

FALSAFAH AKAL AL-DIHLAWI: ANALISIS ASPEK PRINSIP DAN HAKIKAT BERFIKIR KRITIS DALAM *HUJJAH ALLAH AL-BALIGHAH*

THE PHILOSOPHY OF INTELLECT BY AL-DIHLAWI: AN ANALYSIS OF THE PRINCIPLES AND ESSENCE OF CRITICAL THINKING IN *HUJJAH ALLAH AL-BALIGHAH*

Noraini Junoh*#, Mohd Nazri Mat Zin*, Ahmad Murshidi Mustapha*, Abdul Manam Mohamad**

*Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS).
Universiti Teknologi MARA. Cawangan Kelantan.
Machang. 18500. Kelantan. Malaysia.

**Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan (FUPL). Universiti Sultan Zainal Abidin. Kampus Gong Badak. 21300. Kuala Nerus. Terengganu Darul Iman. Malaysia.

Email:

*#norainijunoh@uitm.edu
.my

DOI:

<https://doi.org/10.22452/afkar.vol26no1.13>

Abstract

The intellect holds a crucial role in the Islamic worldview and is a prerequisite for the acceptance and fulfillment of all religious obligations. In fact, if a person loses their mental capacity, they are exempt from fulfilling these responsibilities. Today's globalized world exposes Muslims to various worldviews, including secularism, liberalism, and pluralism, which can influence their thinking. This study aims to analyze al-Dihlawi's philosophy of reason as presented in the book *Hujjah Allah al-Balighah* and its relationship with the principle of critical thinking. This study utilizes content analysis to explore al-Dihlawi's thoughts on the relationship between the mind, heart, and *nafs* as presented in *Hujjah Allah al-Balighah*. Through his work, al-Dihlawi argues that these three elements are interdependent and contribute to the emergence of

Article

History:

Acceptance date: 17 May 2024

Available Online: 30 June 2024

Funding:

This research received grant from Research Management Centre, UiTM 600-RMC/GPM LPHD 5/3 (173/2021)

Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interest exist.



©The authors (2024). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>) which permits non-commercial reuse, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited.

maqamat and *ahwal*. Moreover, his philosophy emphasizes the importance of nurturing the *malakiyyah* character over the *bahimiyyah* character, which involves cultivating a strong connection between the mind and soul. These insights offer valuable contributions to the spiritual structure of Islam, as they can facilitate an individual's journey toward happiness and deeper knowledge of Allah SWT.

Keywords: *Hujjah Allah*; al-Dihlawi; the philosophy of intellect; critical thinking.

Khulasah

Akal mempunyai nilai dan kedudukan yang sangat tinggi dalam pandangan alam Islam dan menjadi syarat penerimaan dan taklif semua *tashri'* Ilahi. Seorang manusia akan tergugur daripada segala tanggungjawab yang difardukan sekiranya hilang keawaran akal fikiran. Dunia globalisasi kini dilihat memberi kesan yang besar terhadap akal dan pemikiran umat Islam melalui sorotan pelbagai pemikiran yang disajikan seperti sekularisme, liberalisme dan pluralisme. Kajian ini menumpukan analisis terhadap falsafah akal yang dikemukakan oleh al-Dihlawi dalam kitab *Hujjah Allah al-Balighah*, serta hubungannya dengan prinsip dan hakikat berfikir kritis. Kajian ini menggunakan metode analisis kandungan berdasarkan karya beliau *Hujjah Allah al-Balighah* dan bertujuan untuk menonjolkan pemikiran al-Dihlawi dalam perbincangan ini. Kajian ini merumuskan bahawa al-Dihlawi telah menjelaskan hakikat akal tanpa terpisah dengan hakikat *qalb* dan *nafs* yang memainkan peranan penting dalam melahirkan *maqamat* dan *ahwal*. Maka, pemikiran kritis al-Dihlawi menekankan hubungan minda dengan jiwa sehingga sifat *malakiyyah* dapat menguasai sifat *bahimiyyah*. Sumbangan pemikiran beliau ini sekaligus mampu mengembangkan skop dan aplikasi *Hujjah Allah al-Balighah* dalam struktur spiritual Islam, di mana ia berperanan penting dalam

membantu seseorang mencapai kebahagiaan dan melancarkan proses mengenal Allah SWT.

Kata kunci: *Hujjah Allah*; al-Dihlawi; falsafah akal; pemikiran kritis.

Pendahuluan

Nama penuh al-Dihlawi adalah Ahmad bin ‘Abd al-Rahim bin Wajih al-Din al-‘Umari al-Hanafi al-Dihlawi dan digelar Qutb al-Din¹ atau Qutb al-Din Ahmad Abu al-Fayyad.² Beliau membahasakan dirinya sebagai Ahmad dalam penulisan karyanya namun, masyhur dengan panggilan Shah Wali Allah yang diberikan oleh bapanya setelah melihat bakat serta kebolehan beliau sejak dari kecil lagi.³ Menurut al-Dihlawi, perkataan “Shah” berasal daripada bahasa Parsi yang bermaksud raja. Gelaran “Shah” pada masa itu hanya diberikan kepada para ahli sufi. Beliau dibesarkan di rumah bapanya yang merupakan salah seorang ahli sufi.⁴

Al-Dihlawi merupakan seorang *mujaddid*, *muhaddith*, *mufaqiqh*, tokoh pemikir agung dan ulama besar⁵ yang dianggap setaraf dengan tokoh Islam lain seperti Hujjah al-Islam al-Imam al-Ghazali, Ibn Khaldun dan Ibn Taymiyyah.⁶ Menurut Annemarie, sekiranya al-Dihlawi

¹ Al-Dihlawi, Shah Wali Allah, *Hujjah Allah al-Balighah* (Beirut: Dar Ihya’ al-‘Ulum, 1999), 1:13.

² Mahayudin Yahaya, *Ensiklopedia Sejarah Islam* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1986), 1:242.

³ Qureshi, I. H., *Ulema in Politics A Study Relating to The Political Activities of The Ulema in The South-Asian Subcontinent From 1556 to 1947* (Karachi: Ma’aref Limited, 1974), 2:107-108.

⁴ Al-Dihlawi, *Hujjah Allah*, 1:13; Sayyid ‘Abdul Majid al-Ghawri, “al-Imam Shah Wali Allah al-Dihlawi Wujhudihi fi al-Qur’an al-Karim Tafsiran wa Watarjamatan Wata’silan,” *Wahdah al-Ummah* 7 (2016), 200.

⁵ Mahyuddin Yahaya, *Ensiklopedia Sejarah Islam*, 242.

⁶ Ismail Che Daud, “Tok Khurasan (1875-1944)”, dalam *Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)*, ed. Ismail Che Daud (Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu, 2012), 4:389; Sheikh Ahmad Sheikh Abdullah, “Shah Wali Allah Pejuang Ilmuan Islam”,

hidup pada awal abad Islam, beliau dianggap setanding dengan al-Imam Abu Hanifah (m. 767M).⁷ Beliau juga bukan sahaja mempunyai tahap ilmu pengetahuan yang tinggi, malah telah menghasilkan pelbagai karya yang telah menjadi rujukan dalam pelbagai bidang. Antara karya utama beliau adalah *Hujjah Allah al-Balighah*. Selain itu, beliau juga telah berjaya membawa perubahan yang besar dalam pemikiran umat Islam pada zamannya⁸ sehingga digelar sebagai *mujaddid* (reformis) India abad ke-12H/18M.⁹ Idea-idea pembaharuan ini lahir disebabkan al-Dihlawi hidup pada zaman kekacauan dan kejatuhan politik

dalam *Majalah Cahaya* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2004), 18; Islahi, Abdul Azim, *Islamic Economic Thinking in the 12th AH/18th CE Century* (Jeddah: Scientific Publishing Center, 2011), 62.

⁷ Schimmel, Annemarie, *Islam in the Indian Subcontinent* (Leiden: E.J. Brill, 1980), 157.

⁸ Antara perubahan besar yang dilakukan oleh al-Dihlawi adalah menganalisis sejarah Islam, menurnikan akidah tauhid daripada penyelewengan, mengembalikan semangat ijtihad, mempertautkan pelbagai aliran dan mazhab dan memperbaharui pelbagai bidang ilmu. Lihat Jamil Ahmad, *Hundred Great Muslims* (Jakarta: Pustaka Firdaus, 1987), 255; Khan, Muhammad Majlom, *The Muslim Hundred; The Lives, Thought and Achievements of The Most Influential Muslims in History* (UK: Kube Publish Ltd., 2010), 179. Secara lebih khusus, dalam Kitab *Hujjah Allah*, al-Dihlawi telah membuat pembaharuan dengan menggabungkan akal dengan *naqli* yang sah dalam menolak tohmahan bahawa hadis nabi menyalahi dalil *naqli* dan *'aqli*. Sila lihat Husein Muhammad Na'im al-Haq, "Malamih al-Tajdid fi Fikri al-Imam Wali Allah al-Dihlawi," *al-Majallah Al-'Arabiyyah, Jami'ah Dhaka* 22 (2021), 95.

⁹ Al-Mawdudi, Sayyid Abul A'la, *Islamic Way of Life* (Karachi: Islamic Research Academy, 1967), 188; Zainuddin Idris, "Kajian Agama Islam Hendaklah Mengikut Jalan Mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah," dalam *Dimensi Pemikiran Shah Waliullah al-Dihlawi dan Pengaruhnya di Malaysia*, ed. Abdul Salam Muhammad Syukri (Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2007), 12; Voll, John O., "Abdallah ibn Salim al-Basri and 18th Century Hadith Scholarship," *Die Welt des Islams, New Series, Arabic Literature and Islamic Scholarship in the 17th/18th Century: Topics and Biographies* 42(3) (2002), 356.

umat Islam berpunca daripada gejala keruntuhan akhlak yang disebabkan kejahilan tentang agama.¹⁰

Sehubungan itu, nama al-Dihlawi tercatat dalam sejarah dunia keilmuan Islam sebagai salah seorang tokoh ulama, pejuang dan pemikir Islam yang tersohor.¹¹ Keilmuan beliau diakui oleh ulama sezaman dengannya seperti Syeikh al-Mirza al-'Alawi dan al-'Allamah Fadl Haq Abadi. Mereka menganggap al-Dihlawi antara ulama seumpama lautan ilmu yang mampu menguasai ilmu zahir dan batin.¹² Justeru, kredibiliti keilmuan al-Dihlawi telah mempengaruhi para penuntut setempat dan luar negara sehingga menjadikan beliau sebagai pakar rujuk. Pengaruh tradisi pengajian yang dibawakan al-Dihlawi turut menjadi perhatian masyarakat Malaysia hingga kini. Kitab utamanya, *Hujjah Allah* seringkali disyarahkan oleh ulama terkemuka seperti Syeikh Mawlana Hussein Abdul Kadir Yusufi (seorang ulama Hadis yang mengajar di pelbagai universiti, masjid, pondok dan madrasah di Malaysia dan Singapura).¹³

Kitab *Hujjah Allah al-Balighah*

Kitab *Hujjah Allah* merupakan hasil karya agung al-Dihlawi yang memberi sumbangan besar dalam korpus keilmuan Islam. Kitab ini bernilai ilmiah yang ditulis dalam bahasa Arab. Keistimewaan kitab ini tidak hanya terletak pada kedudukannya sebagai kitab agung bagi al-Dihlawi,

¹⁰ A'ishah Sari & Rahimah Hamou, "Malamih al-Fikr al-Siyasi li Shah Wali Allah al-Dihlawi," *Majallat Mi'yar* 26(6) (2022), 851-853.

¹¹ Noraini Junoh, Abdul Manam Mohamad dan Zanirah Mustafa @ Busu, "Kitab Hujjah Allah al-Balighah karya Shah Waliyy Allah al-Dihlawi: Suatu Pengenalan," *Asian Journal of Civilizational Studies* 1(3) (2019), 1.

¹² Munir Maher al-Shatir & Sarah Matla' al-Qihatani, "al-Afkar al-Iqtisadiyyah 'ind al-Imam Ahmad bin 'Abdul Rahim al-Dihlawi fi Kitabih Hujjah Allah al-Balighah," *International Journal of al-Turath in Islamic Wealth and Finance* 2(1) (2021), 45.

¹³ Maulana Hussein Abdul Kadir Yusufi, *Pencerahan dalam Bidang Hadith* (Kota Bharu: Jabal Mara'qy Sdn Bhd., 2017), 1-3.

bahkan digunakan sebagai bahan rujukan utama bagi memberi penjelasan terperinci mengenai Islam sebagai *al-Din* di India bahkan di Alam Melayu, serta mampu bertahan dalam jangka waktu yang begitu lama. Buktinya, kitab ini masih disyarahkan dan diajar di pelbagai madrasah dan masjid sama ada di India mahupun Malaysia walaupun ia telah lama dihasilkan iaitu selepas al-Dihlawi kembali daripada mendalami ilmu di Hijaz pada tahun 1732.¹⁴

Sehubungan itu, kitab *Hujjah Allah* yang merupakan sebuah kitab unik mencakupi pelbagai bidang ilmu ini wajar diangkat sebagai sebuah ensiklopedia Islam yang menjadi rujukan penting kepada umat Islam.¹⁵ Warisan seperti ini bukan sekadar tinggalan ilmu yang bermanfaat tetapi menjadi khazanah yang bernilai untuk diterokai dengan lebih mendalam.

Al-Dihlawi telah memilih nama *Hujjah Allah al-Balighah* sebagai tajuk utama karya beliau. Penamaan kitab ini berdasarkan petikan ayat al-Quran sebagaimana dinyatakan oleh al-Dihlawi sendiri dalam pengantar kitabnya:

¹⁴ Islahi, *Islamic Economic Thinking*, 58; Nik Abdul Aziz Nik Hassan, "Kepentingan Tariq Shah Wali Allah al-Dihlawi dan Relevannya Dalam Konteks Malaysia Kini," dalam *Dimensi Pemikiran Shah Wali Allah al-Dihlawi dan Pengaruhnya di Malaysia*, ed. Abdul Salam Muhammad Syukri (Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2007), 103-105.

¹⁵ Jalbani, G.N., *Sufism and The Islamic Tradition: The Lamahat and Satahat of Shah Waliullah* (London: T.p., 1980), 38; Azharudin Mohamed Dali, "Ulama dan Gerakan Revivalis Islam di India antara 1700-1850an", *Jurnal Usuluddin* 16 (2002), 55; Bhat, Ab. Rashid, "Shah Wali-u Allah: An Analysis of The Trends in His Religious Thought", Thesis Shah-i-Hamdan Institute of Islamic Studies, University of Kashmir, Hazratbal-Srinagar, 1997, 65; Noraini Junoh, Ahmad Murshidi Mustapha & Abdul Manam Mohamad, "Metodologi Penyusunan Kitab *Hujjah Allah al-Balighah* Karya Shah Wali Allah al-Dihlawi (1703-1762M)." *Journal of Islamic Social Science and Humanities* 27 (2022), 210.

“Kemudian, saya mendapatkan petunjuk yang terang mengenai rahsia pentaklifen hukum ke atas manusia, balasan-balasannya, serta rahsia syariat yang diturunkan kepada manusia sebagai jalan menuju kebahagiaan di dalam firman Allah SWT, “Sesungguhnya bukti yang meyakinkan itu dari Allah.” (al-An’am 6: 149). Saya berharap bahawa karya ini menjadi salah satu cabang hujah Allah yang utama dan menjadi purnama yang sentiasa memancarkan cahaya di kegelapan malam. Atas sebab itulah karya ini saya namakan sebagai *Hujjah Allah al-Balighah* (Hujah-hujah Allah yang paling meyakinkan). Cukuplah Allah, Dialah pemberi nikmat dan pelindung yang baik. Tidak ada kekuasaan kecuali bersama Allah, Yang Maha Mulia, Yang Maha Besar.”¹⁶

Berdasarkan judul kitab ini, al-Dihlawi berusaha membahaskan rahsia di sebalik hukum syariat (*asrar al-shari’ah*)¹⁷ atau rahsia-rahsia agama (*asrar al-din*) dengan hujah yang kukuh dan selari dengan al-Qur’an, al-Sunnah

¹⁶ Al-Dihlawi, *Hujjah Allah*, 1: 26.

¹⁷ Istilah rahsia-rahsia syariat (*asrar al-shari’ah*) kebanyakan didapati dalam perbahasan ilmu syariat khususnya berkaitan dengan ilmu maqasid syariah. Kalimah *asrar* bermaksud rahsia dan hakikat yang memerlukan kepada pemerhatian dan kajian yang bersungguh-sungguh. Istilah *asrar* juga sinonim dengan istilah *maqasid* yang bermaksud mengetahui makna dan tujuan serta rahsia-rahsia dalam setiap hukum syariat. Sila lihat al-Yubi, Muhammad Sa’d bin Ahmad bin Mas’ud, *Maqasid al-Shari’ah al-Islamiyyah wa ‘Alaqa’uha bi ‘Adillah al-Shar’iyyah* (Riyadh: Dar al-Hijrah li al-Nashr wa al-Tawzi’, 1998), 37. Tidak ramai para sarjana yang mendalami ilmu ini kerana ia merupakan ilmu yang paling halus dan mendalam. Seseorang itu perlu mempelajari metode, aspek dan wilayah *asrar al-ahkam* itu sendiri. Sehubungan itu, rahsia di sebalik perundangan Islam hanya dapat diketahui oleh cerdik pandai atau orang yang dianugerahkan ketinggian ilmu oleh Allah SWT. Sila lihat al-Dihlawi, *Hujjah Allah*, 1: 21.

dan syariat.¹⁸ Selain itu karya ini turut menerangkan berkenaan ilmu Hadith, *Fiqh*, dan *Kalam*¹⁹ serta membahaskan tema falsafah dan tasawuf.²⁰ Oleh itu, boleh dirumuskan kitab *Hujjah Allah* adalah kitab akidah dan falsafah terbesar dan terlengkap hasil karya al-Dihlawi.

Falsafah Akal

Akal merupakan elemen penting yang mendasari kehidupan manusia. Allah SWT memuliakan manusia dengan mengurniakan akal sebagai keistimewaan insan. Ia menjadi perisai atau pertahanan bagi manusia menjauhkan diri daripada hawa nafsu yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada dirinya.²¹ Dalam Islam, kedudukan akal adalah sebagai asas taklif dan ianya salah satu elemen yang wajib diperlihara dalam *maqasid al-shari'ah*. Namun akal yang terbatas tidak mampu mencapai perkara di luar jangkauannya seperti persoalan *ghaybiyyat* serta hakikat ibadat yang hanya boleh diketahui melalui panduan wahyu.²² Dalam al-Quran, kalimah akal disebut dalam bentuk pecahan kalimah serta maknanya lebih daripada tiga ratus lima puluh ayat dengan maksud yang pelbagai seperti berfikir, *tadabbur*, memerhati dan sebagainya.²³

¹⁸ Fadlan Mohd Othman et al., "*Hujjat Allah Al-Balighah: The Uniqueness of Shah Wali Allah Al-Dihlawi's Work*," *Mediterranean Journal of Social Sciences* 6(5) (2015), 405.

¹⁹ Rizvi, Saiyid Athar Abbas, *Shah Wali-Allah and His Times* (Australia: Ma'rifat Publishing House, 1980), 221.

²⁰ Marcia K. Hermansen, "Shah Wali Allah's Theory of the Subtle Spiritual Centers (*Lata'if*): A Sufi Model of Personhood and Self-Transformation," *Journal of Near Eastern Studies* 47(1) (1988), 10.

²¹ Shahril Nizam Zulkipli et al., "The Development Theory of *al-'Aql*, *al-Qalb* and *al-Nafs* in Islamic Psychotherapy," *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(11) (2022), 2432-2435.

²² Yusuf, Hammad Mohammed, "Al-'Aql fi al-Islam: Manzalatuha Wa Majalatuha wa 'Alaqaatuha bi al-Naqli," *al-Bashirah Journal of Islamic Studies* 2(2) (2020), 238.

²³ Said Murad, *al-'Aql al-Falsafi fi al-Islam* (Kaherah: Publisher Ein For Human and Social Studies, 2000), 41.

Dalam perspektif Barat, akal bukan sahaja dianggap sebagai satu-satunya alat untuk memperoleh pengetahuan, tetapi juga mampu mempengaruhi tingkah laku manusia. Hal ini secara tradisinya membawa kepada pandangan bahawa pengetahuan hanya mempunyai sifat-sifat fizik atau sesuatu yang boleh diukur melalui rasional atau pertimbangan fikiran dan deria. Kepercayaan ini seterusnya membawa kepada lahirnya pelbagai aliran pemikiran yang menjadi asas kepada ilmu psikologi Barat. Pandangan seperti ini bercanggah dengan perspektif Islam yang melihat adanya hubungan antara akal dan hati yang berkhidmat sebagai sumber ilmu dalam usaha memahami aspek rasional, empirikal dan metafizik.

Walaupun ahli falsafah Yunani dan Islam menanggapi unsur fizikal dan kerohanian sebagai asas kepada manusia untuk memperoleh kebahagiaan hidup namun, akal memerlukan bimbingan syarak agar ia dapat dibangunkan dengan sempurna.²⁴ Justeru, tempat bagi akal adalah hati bukannya otak. Namun ianya ada kaitan dengan otak melalui cetusan pada hati yang disalurkan kepada otak dalam menafsir dan melaksanakannya. Penjagaan akal bukan sahaja dilihat melalui hikmah pengharaman arak yang memabukkan, akan tetapi perlunya akal dikawal daripada berfikir di luar daripada batasan syarak.²⁵

Menurut al-Farabi, berdasarkan akal teori (*nazari*), beliau telah membahagikan akal kepada tiga peringkat, iaitu intelek material (*al-'aql bi al-quwwah*), intelek nyata (*al-'aql bi al-fi'l*) dan intelek yang diperolehi (*al-'aql al-mustafad*).²⁶ Intelek material (*al-'aql bi al-quwwah*) merupakan tahap akal yang paling rendah dan dimiliki

²⁴ Shahril Nizam et al., *The Development Theory of al-'Aql*, 2496-2437.

²⁵ Bey Zekkoub Abdelali & Yassir Mohamed Tarshani, "Mustalah al-'Aql fi al-Qur'an al-Karim wa Wasa'il al-Huffaz 'Alaih: Dirasah Qur'aniyyah Maqsadiyyah," *Jurnal al-Turath* 5(2) (2020), 100.

²⁶ Al-Farabi, Abu Nasr Muhammad bin Muhammad, *Ara' Ahl al-Madinah al-Fadilah* (Misr: Matba'ah al-Sa'adah, 1906), 85.

semua manusia sejak lahir. Ia merupakan suatu tenaga positif untuk menerima pendapat logik dan bersifat sensitif terhadapnya. Akal ini berpotensi untuk berfikir dan belum menerima latihan dan kemahiran berfikir. Tahap akal yang kedua adalah intelek nyata (*al-'aql bi al-fi'l*) yang merupakan suatu tenaga yang bertindak terhadap maklumat-maklumat logik yang diterima melalui usaha berfikir yang berterusan. Manusia yang berada pada tahap ini bukan sahaja menerima segala maklumat yang logik tetapi berusaha untuk menganalisa segala maklumat tersebut.²⁷ Bagi al-Farabi, akal tahap ini masih lagi belum mencapai kebenaran sepenuhnya kerana ia bertindak mengikut pemikiran logik semata-mata.

Maka, beliau telah mengkategorikan satu tahap akal paling tinggi, iaitu intelek yang diperolehi (*al-'aql al-mustafad*). Akal ini wujud dalam kalangan ahli falsafah, para pemimpin dan hakim. Melalui akal ini mereka dapat menanggapi perkara-perkara yang tidak dicapai oleh manusia biasa kerana dengan akal ini para ahli falsafah dan lainnya dilimpahkan dengan ilham dan ilmu yang benar oleh Allah SWT melalui perantaraan intelek aktif (*'aql al-fa'al*).²⁸ Untuk sampai ke tahap ini golongan tersebut mestilah berusaha menggarap idea-idea melalui pemikiran yang mendalam, menganalisis, mentafsir, menghurai dan menjelas segala ilmu dan maklumat yang diperolehi.

Konsep akal al-Farabi dilihat mempunyai hubungan dengan alam ketuhanan. Hal ini kerana asas dan metodologi ilmunya berasaskan kepada tradisi Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah.²⁹ Oleh itu, apabila akal digunakan secara mendalam dan diselarikan dengan wahyu, maka akal akan dapat mencapai hakikat kebenaran

²⁷ *Ibid.*

²⁸ *Ibid.*

²⁹ Osman Bakar, *Al-Farabi: Kehidupan, Hasil Karyanya dan Peri Penting Tokoh* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 15.

sebagaimana yang digagaskan dalam al-Quran supaya memerhati, mengkaji, dan memahami seluruh isi alam ini.

Ibn Sina telah mengembangkan lagi akal teori (*nazari*) al-Farabi dengan menambah satu lagi tahapan akal di antara akal tahap pertama dan tahap kedua, iaitu intelek lazim (*al-'aql al-malakah*). Pada tahap ini akal manusia telah mula dilatih untuk berfikir tentang hal-hal yang abstrak. Maka, maklumat-maklumat yang diterima telah diteliti dan difahami secara berkesan untuk mendapatkan sesuatu kebenaran apabila mencapai tahap akal yang seterusnya sebagaimana yang dikemukakan oleh al-Farabi.³⁰

Al-Ghazali pula membahagikan akal kepada empat kategori. Pertama, akal sebagai satu sifat atau pembawaan *tabi'i* (*gharizah*) yang membezakan manusia dengan makhluk lain dan berpotensi menerima ilmu yang berbentuk pemikiran dan spekulatif serta dapat menanggapi perkara-perkara yang abstrak. Kedua, ilmu-ilmu *daruri* yang datang kepada kanak-kanak yang sudah mula berfikir. Ketiga, ilmu yang didapati melalui pengalaman. Keempat, satu kekuatan yang terbina dalam diri manusia yang membolehkannya mengetahui sebab dan akibat sehingga ia dapat mengawal nafsu duniawi seterusnya memandu mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat.³¹ Walaupun al-Ghazali membahagikan makna akal kepada empat kategori namun ia menyamai tahap akal yang telah dikemukakan oleh ahli falsafah di atas. Pendekatannya lebih bercorak keagamaan dan menghubungkan akal dengan unsur-unsur kejiwaan atau kerohanian.

Al-Ghazali juga mengumpamakan akal sebagai perdana menteri (*wazir*) yang membantu para raja (iaitu

³⁰ Ibn Sina, Abu 'Ala al-Husayn ibn 'Abd Allah, *al-Najat fi al-Hikmah al-Mantiqiyah wa al-Ilahiyyah* (Kaherah: Matba'ah al-Sa'adah, 1938), 158.

³¹ Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad, *Ihya' 'Ulum al-Din* (Jeddah: Dar al-Minhaj li al-Nashr wa al-Tawzi', 2011), 1:312-320.

hati) untuk melancarkan pengurusan dan pentadbiran sesebuah kota. Hal ini bermakna akal memainkan peranan penting dalam mengawal tingkah laku dan pemikiran manusia supaya tidak terjebak dengan perkara yang merendahkan martabatnya. Menurutny lagi, untuk sampai ke tahap atau makna akal yang keempat, makna akal kedua dan ketiga terlibat dengan pelbagai aktiviti logik dan rasional seperti memerhati (*al-nazar*), memerhati secara saksama (*al-tadabbur*), merenungkan (*al-ta'ammul*), melihat dengan mata hati (*al-istibsar*), menginterpretasikan (*al-i'tibar*), memikirkan (*al-tafkir*) dan mengingat (*al-tadhakkur*).³²

Hakikatnya, akal adalah aspek rohani manusia yang berfungsi membantu menahan hawa nafsu dan unsur yang dapat membezakan antara amal (*hasan*) dan mungkar. Maka, akal bukan sahaja dikaitkan dengan otak tetapi juga dengan hati (*fu'ad*), jantung (*qalb*) dan jiwa (*nafs*) berpandukan taufik dan hidayahNya.³³ Firman Allah SWT dalam surah al-A'raf (7):179:

Terjemahan: "Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk isi neraka Jahanam, banyak golongan jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu menggunakannya untuk memahami (ayat-ayat Allah), mempunyai mata (tetapi) tidak mahu menggunakannya untuk melihat (bukti keesaan Allah) dan mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu menggunakannya untuk mendengar (ajaran dan nasihat). Mereka itu

³² Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad, *Majmu'ah Rasa'il al-Imam al-Ghazali*, ed. Ibrahim Amin Ahmad (Kaherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah, t.t.): 166.

³³ Abd Ganing Laengkang & Wan Mohd Fairaz Wan Mohd Ghazali, "Konsep Akal dan Adab Kesopanan Dalam Buku Falsafah Hidup oleh Prof. Hamka," *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 2(2) (2015), 127-130.

seperti binatang ternakan bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka itulah orang yang lalai."

Prinsip dan Hakikat Pemikiran Kritis

Pemikiran kritis merupakan alat intelektual yang sangat penting dalam proses pemantapan ilmu seseorang. Hal ini kerana pemikiran kritis memfokuskan kepada usaha seseorang dalam menyusun hujah, menilai kredibiliti sumber, menganalisis andaian atau membuat keputusan dalam pelbagai konteks.³⁴ Dalam konteks pendidikan, bidang ini telah banyak dibincangkan oleh para sarjana, namun kebanyakan konsep pemikiran merujuk kepada perspektif Barat.³⁵ Walhal, Islam telah mengemukakan asas dan kerangka pemikiran kritis yang kukuh bersumberkan wahyu. Penekanan al-Quran terhadap pemikiran kritis boleh dilihat berdasarkan ayat-ayat yang menggesa umatnya melakukan kontemplasi dan pemikiran yang baik, bantahan kepada taklid dan mencari kepastian serta bersikap objektif. Oleh itu, penting bagi umat Islam untuk membina kerangka pemikiran kritis Islam yang selari dengan wahyu Allah SWT.

Menurut Muhammad Mumtaz, dalam konsep pemikiran kritis, terdapat dua perkara yang perlu difahami, iaitu; (i) pemikiran kritis mengatasi kemahiran kognitif atau strategi yang boleh meningkatkan kemungkinan menyelesaikan beberapa masalah atau isu, dan; (ii) pemikiran kritis adalah berasaskan kebenaran dan berorientasikan realiti. Sehubungan itu, pemikiran kritis merupakan aktiviti yang membantu menilai, menganalisis, mengkonseptualisasikan, dan membangunkan pemahaman yang tepat tentang isu, visi dan misi kehidupan. Dengan ini,

³⁴ Maria Salih, "Konsep Pemikiran dan Kemahiran Berfikir Kritis," dalam *Pemikiran Kritis dan Kreatif: Konsep, Pendekatan dan Aplikasi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran*, ed. Nurulhuda Abd Rahman & Md Nasir Ibrahim (Perak: Penerbit UPSI, 2013), 15.

³⁵ Hui, Lim Kim, *Seni Pemikiran Kritis Satu Pendekatan Logik Tak Formal* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009), 1-2.

pemikiran kritis menekankan penggunaan hujah rasional serta bukti sejarah dan empirikal, kemahiran dan teknik tertentu untuk menilai kenyataan, dasar atau program. Selain itu, pemikiran kritis menerangkan kepentingan kebenaran dan realiti terhadap semua perkara bagi membantu meningkatkan proses pemikiran dan keadaan hidup manusia.³⁶

Justeru, terdapat beberapa prinsip asas pemikiran kritis yang boleh digariskan, antaranya:

- (i) Keperluan untuk siasatan etika yang disokong oleh bukti sejarah dan empirikal.
- (ii) Kewujudan ilmu yang benar, sahih, dan universal (iaitu, ilmu yang diturunkan Islam) berdasarkan pendekatan rasional, sejarah, dan empirical.
- (iii) Penerimaan pandangan dunia yang benar, tulen dan universal.
- (iv) Penerimaan asas kehidupan dan dunia yang beretika, empirikal, rohani, moral, universal, dan berorientasikan manusia.
- (v) Penerimaan nilai etika, kerohanian, dan moral yang diterima daripada pengetahuan yang benar, tulen, dan sejagat digabungkan dengan pembangunan sumber manusia.
- (vi) Penerimaan keperluan pengetahuan, pendidikan, disiplin, kemajuan saintifik dan teknologi, pertumbuhan ekonomi, kestabilan politik, legitimasi politik, pengurusan sumber yang betul baik manusia mahupun material, dan penerapan kemahiran, teknik dan prosedur.³⁷

Prinsip yang digariskan ini menjelaskan hakikat pemikiran kritis dalam Islam. Al-Quran telah

³⁶ Muhammad Mumtaz Ali, "The Foundation and Principles of Critical Thinking," *The American Journal of Islamic Social Sciences* 33(4) (2016), 138.

³⁷ *Ibid.*, 139.

mengemukakan beberapa panduan kepada manusia agar mereka dapat menggunakan akal dengan cara yang terbaik bagi mencapai kebenaran. Panduan ini terkandung dalam gesaan al-Quran agar umat Islam menolak keraguan dalam perkara yang pasti, tidak mengikut hawa nafsu dan emosi, menolak taklid buta kepada nenek moyang serta menolak ketaksuban kepada pemimpin.³⁸

Al-Quran telah menerapkan budaya berfikir kritis sejak lebih dari seribu empat ratus tahun yang lalu. Dari sudut teorinya, hakikat alamiah dan ilmu tentang alam yang luas ini banyak dibentangkan dalam al-Quran untuk disingkap oleh akal manusia supaya mereka memperoleh petunjuk daripadanya. Dalam hal ini terdapat beberapa istilah yang menjadi elemen utama pemikiran kritis, iaitu *tafqiḥ*, *tafakkur*, *tafahhum*, *ta'qil*, *tadabbur* dan *tadhakkur*. Istilah-istilah ini merujuk kepada gesaan aktiviti berfikir dalam al-Quran yang membabitkan proses atau kegiatan berfikir secara serius, terfokus dan mendalam. Istilah *tafqiḥ* dan *tafakkur* bermaksud analisis, *tafahhum* bermaksud mentafsir dan memahami, *ta'qil* bermaksud mensintesis, *tadabbur* bermaksud menilai dan *tadhakkur* bermaksud merumus. Semua elemen ini menjadi asas kepada perbincangan pemikiran kritis moden yang menekankan aspek analisis penghujahan, konsep dan penyelesaian masalah.³⁹

Pemikiran al-Dihlawi tentang Akal

Akal merupakan anugerah Allah SWT yang tidak ternilai kepada manusia. Menurut al-Dihlawi, akal atau intelek merupakan antara salah satu sifat atau ciri yang membezakan manusia dengan haiwan yang dengannya

³⁸ Anita Ismail et al., "Pembentukan Pemikiran Kreatif dan Kritis: Hubungannya Dalam Menyelesaikan Masalah," *Sains Insani* 5(1) (2020), 44-45.

³⁹ Noraini Junoh & Abdul Manam Mohamad, "Pemikiran Kritis Islam: Analisis Terhadap Istilah-Istilah Berkaitan Dalam al-Quran," *Journal of Muwafaqat* 3(1) (2020), 135-140.

menjadi mereka mampu bertutur dan memperoleh ilmu pengetahuan. Akal juga cenderung kepada kebaikan dan kesucian. Dengan sebab itu, tabiat manusia menuntut akal supaya menguasai jiwa dan nafsunya.⁴⁰

Al-Dihlawi memperincikan potensi intelek (*al-quwwah al-'aqliyyah*) yang membezakan manusia dengan haiwan melalui pembahagian dua cabang intelek. Pertama, potensi intelek yang berfungsi melatih seseorang untuk menghasilkan pelbagai bentuk kesenian tamadun (*al-irtifaqat*)⁴¹ bagi mencapai *maslahah* manusia dan dapat menyelesaikan masalah-masalah yang rumit. Cabang pertama ini memperlihatkan fungsi akal dalam bentuk menerima ilmu pengetahuan secara rasional dan berupaya memahami aspek kehidupan melalui perenungan, penelitian, pengkajian dan seumpamanya. Kedua, potensi intelektual yang dipersiapkan untuk menerima pelbagai ilmu ghaib yang melimpah (*al-fa'idah*) melalui pemberian Allah SWT (*al-Wahb*). Akal ini memfokuskan kepada perenungan hati dalam mengenal dan memahami Allah SWT, dapat mengawal nafsu agar sentiasa menepati kehendak Allah SWT dan seterusnya menemukan jalan untuk mencapai kesempurnaan atau *al-sa'adah*. Menurut al-Dihlawi, tidak semua manusia memiliki akal pada tingkatan ini.⁴²

⁴⁰ Al-Dihlawi, *Hujjah Allah*, 1: 75.

⁴¹ Istilah *irtifaq* bermaksud perkembangan masyarakat secara evolusi iaitu perkembangan secara semula jadi. Selain itu, ia juga merujuk kepada adaptasi jalan yang sesuai, menolong kepada pencapaian keputusan, penggunaan alat-alat yang bermanfaat, teknologi yang berguna, dan etika yang bagus dalam diri seseorang individu itu. Menurut al-Dihlawi, masyarakat berkembang melalui empat fasa iaitu i) undang-undang fitrah (*al-madhdhab al-tab'i*), ii) organisasi keluarga, iii) institusi politik dan iv) peringkat tertinggi *irtifaq* iaitu masyarakat dalam negara bangsa bekerjasama untuk bebas daripada konflik dan permusuhan antara negara. Lihat Islahi, *Islamic Economic Thinking*, 100; Al-Dihlawi, *Hujjah Allah*, 1: 119-110.

⁴² Al-Dihlawi, *Hujjah Allah*, 1: 77-78.

Seterusnya al-Dihlawi membincangkan lagi tentang akal dalam bahagian kedua kitab di bawah tajuk *Maqamat* dan *Ahwal*.⁴³ Beliau menjelaskan dalam diri manusia terdapat tiga pancaindera batin atau kekuatan rohani (*lata'if*), iaitu '*aql*, *qalb* dan *nafs*. Ketiga-tiga *lata'if* ini merupakan tiga anggota atau pancaindera batin - al-Dihlawi mengumpamakan batin sebagaimana zahir, dengan sebab itu disebut sebagai anggota - penting yang menggambarkan hakikat manusia dan ketiga-tiganya saling berhubungan dalam menyempurnakan kekuatan dan daya kerja fizikal manusia.⁴⁴ Dengan kata lain, *lata'if* merupakan elemen spiritual yang melengkapinya elemen fizikal insan. Hal ini dapat diperhatikan dalam analogi al-Ghazali berkaitan ketiga-tiga *lata'if* tersebut. Beliau menganalogikan akal sebagai wazir yang segala perintahnya harus diikuti oleh nafsu sama ada nafsu syahwat dan nafsu marah (*ghadabiyah*). Hati adalah intuisi yang dianggap oleh al-Ghazali sebagai "Raja" yang mengerjakan akal sebagai wazirnya, dengan nafsu syahwat dan marah

⁴³ *Al-maqamat* dan *al-ahwal* adalah dua topik selari yang berkaitan dibincangkan dalam tasawuf. Kedua-duanya adalah usaha untuk mendapatkan nikmat rohani melalui proses penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*). *Al-maqamat* bermaksud sesuatu yang dicapai hakikatnya oleh seseorang dengan cara menempuh atau mengusahakannya, iaitu adab-adab yang diperolehi menerusi suatu bentuk usaha dan dicapai menerusi suatu bentuk tuntutan, menghadapi kepayahan dan menanggung bebanan. *Al-ahwal* pula bermaksud kejernihan zikir yang memasuki atau menempat di dalam hati, atau hati berada dalam kejernihan zikir tersebut. Ia merupakan suatu pengertian (kefahaman atau makrifah) yang masuk ke dalam hati tanpa sengaja dan usaha mendapatkannya. Terdapat banyak jenis *al-maqamat* dan *al-ahwal* mengikut kepada pengalaman kerohanian sufi seperti taubat, zuhud, sabar, tawakkal, redha, cinta, takut, tawadduk, takwa, ikhlas, syukur dan makrifah. Sila lihat al-Tusi, Abu Nasr al-Sarraj, *al-Luma' fi al-Tasawwuf* (Kaherah: Dar al-Kutub al-Hadithah, Baghdad: Maktabah al-Mathna, 1960), 66; al-Qushayri, 'Abd al-Karim ibn Hawazin, *al-Risalah al-Qushayriyyah* (Beirut: Dar al-Jayl, 1990), 236.

⁴⁴ Al-Dihlawi, *Hujjah Allah*, 2: 234-235.

(*ghadabiyyah*).⁴⁵ Jadi, hati inilah yang menentukan tujuan hidup manusia, sedangkan akal dan nafsu sebagai para pelaksana yang diharapkan dapat melaksanakan segala tugas dengan baik dan mencapai tujuan hidupnya.

Sehubungan itu, al-Dihlawi menjelaskan hakikat akal tanpa terpisah dengan hakikat *qalb* dan *nafs* sebagaimana yang terdapat dalam perbincangan ulama tasawuf. Beliau menjelaskan akal, hati dan nafsu memainkan peranan penting dalam melahirkan *maqamat* dan *ahwal*. Semua tindakan yang lahir daripada akal, hati dan nafsu hampir sama, sama ada melampau, atau sebaliknya, atau gabungan kedua-duanya.⁴⁶ Menurut Sa'id Hawa, ketiga-tiga istilah tersebut bermuara kepada makna yang sama dan perbezaan hanyalah pada persoalan nama atau istilah. Hal ini kerana terdapat perbezaan sifat dan ciri-ciri yang dimiliki seseorang. Sekiranya seseorang dapat mengalahkan syahwat, maka dinamakan sebagai *al-nafs*. Sekiranya seseorang mampu mengalahkan syahwat yang diharamkan, maka dinamakan dengan *al-'aql*. Sekiranya seseorang menemui keimanan, maka dinamakan dengan *al-qalb*.⁴⁷

Justeru, golongan yang beriman meletakkan akal mengatasi hati dan nafsunya. Perasaan kasih, marah dan keinginan seks adalah perkara yang diperintah syarak dan perlu dilaksanakan secara seimbang dan terkawal berdasarkan batasan-batasan yang ditetapkan oleh syarak.⁴⁸

Al-Dihlawi menjelaskan lagi, akal membolehkan manusia mendapatkan sesuatu yang tidak boleh didapati melalui pancaindera.⁴⁹ Pandangan ini selari dengan al-Ghazali yang mengatakan akal lebih berhak disebut sebagai cahaya berbanding pancaindera. Cahaya dimaksudkan di

⁴⁵ Al-Ghazali, *Ihya' 'Ulum al-Din*, 315-320.

⁴⁶ Al-Dihlawi, *Hujjah Allah*, 2: 236.

⁴⁷ Sa'id Hawa, *Tarbiyatuna al-Ruhiyyah* (Kaherah: Dar al-Salam, 1999), 26.

⁴⁸ Al-Dihlawi, *Hujjah Allah*, 2: 38.

⁴⁹ Al-Dihlawi, *Hujjah Allah*, 2: 235.

sini sebagai suatu medium yang bukan sahaja mempunyai sifat yang terang tetapi dapat menjadikan sesuatu yang gelap atau samar-samar kepada terang dan jelas. Perumpamaan ini boleh dilihat dalam melihat bentuk bulan. Walaupun seseorang melihat bulan dalam tempoh yang singkat, akal dapat menyimpulkan bulan adalah berbentuk sfera sekalipun hanya dengan melihat sebahagian daripada bulan tersebut sahaja.⁵⁰

Al-Dihlawi menjelaskan sifat akal adalah yakin, syak, waham, mencari sebab berlaku peristiwa, mencari helah yang berguna dan menolak bahaya. Kemudiannya beliau membahagikan akal kepada dua bahagian, iaitu (i) akal yang cenderung kepada badan dan pancaindera; (ii) akal yang cenderung kepada pengasingan dan cahaya malaikat. Bahagian pertama yang cenderung kepada alam rendah ('*alam sufli* atau '*al-mala' safil*') ini juga dinamai sebagai *qalb* selain akal. Manakala bahagian kedua yang cenderung kepada alam tinggi ('*alam al-'ulwi* atau '*al-mala' a'la*')⁵¹

⁵⁰ Al-Ghazali, *Ihya' 'Ulum al-Din*, 315-320.

⁵¹ Istilah ini berhubungan dengan alam ketuhanan yang jarang sekali dibincangkan dalam kalangan para sufi bahkan sukar ditemui dalam perbincangan umum. Berkenaan istilah ini, al-Dihlawi membincangkan satu bab khusus mengenainya, iaitu *Bab al-Mala' al-A'la*. Menurutnya, para malaikat mempunyai beberapa tingkatan, yang paling tinggi dan hampir dengan Allah SWT adalah '*al-Mala' al-A'la*'. Mereka menjadi duta atau perantara Allah SWT dengan hamba-Nya dan mengilhamkan kebaikan ke dalam hati manusia. Manakala tingkatan para malaikat yang paling rendah digelar '*al-Mala' al-Safil*'. Mereka paling dekat dengan bumi dan berada di tingkatan langit paling rendah. Mereka mendoakan kesejahteraan manusia yang menyucikan diri dan mengutuk pelaku kejahatan. Bersesuaian dengan kehendak (*Iradah*) Allah SWT, para malaikat tertinggi dan roh-roh manusia yang sempurna sentiasa mengadakan pertemuan untuk mengilhamkan ke dalam hati manusia pelbagai ilham dan lintasan yang baik mengikut sebab-sebab tertentu. Seterusnya membantu segala urusan manusia pada masa hadapan. Di sinilah keputusan (*qada'*) Tuhan dan perintah (*amr*) ditetapkan serta hukum-hukum syariat dalam beberapa aspek ditentukan. Sila lihat Al-Dihlawi, *Hujjah Allah*, 1:60.

dinamai juga sebagai *ruh* dan *sirr*, iaitu menyaksikan ilmu adat yang jelas serya menerangkan perkara abstrak yang tulen, bebas daripada masa dan tempat tanpa sifat dan syarat.⁵²

Asal atau sumber *maqamat* dan *ahwal* pada akal menurut al-Dihlawi adalah keyakinan yang merangkumi tauhid, ikhlas, tawakal, syukur, mengasingkan diri, dan lain-lain. Sehubungan itu, keyakinan adalah seluruh iman dan orang Mukmin beriman dengan perkara syarak termasuklah masalah qadar dan akhirat, yakni keimanan yang menguasai akal. Hati dan nafsu menerima renjisan akal sehingga seseorang mendapat keyakinan seperti melihat sesuatu dengan jelas. Keyakinan merangkumi seluruh iman sebagai asas yang membersihkan akal. Maka, hati yang bersih bergantung kepada akal yang bersih. Kedua-dua aspek ini (akal dan hati) mempengaruhi antara satu sama lain dan menentukan seseorang mencapai alam ketuhanan.⁵³

Berdasarkan konsep akal yang diutarakan oleh al-Dihlawi, dapat difahami akal merupakan salah satu unsur terpenting dalam diri manusia dan memainkan peranan besar dalam mengembalikan seseorang kepada fitrah kejadian yang tidak terpisah dengan unsur ketuhanan.

Asas Berfikir Kritis Menurut al-Dihlawi

Prinsip asas pemikiran kritis dalam kitab *Hujjah Allah* tidak dinyatakan secara khusus, namun berdasarkan pengamatan, al-Dihlawi telah merangka suatu prinsip asas pemikiran kritis dalam penyusunan kitab dan pemaparan idea-idea berhubung *asrar al-shari'ah* atau *asrar al-din*. Hal ini kerana, ilmu *asrar al-shari'ah* yang merupakan sebahagian daripada falsafah perundangan Islam mempunyai hubungan erat dengan pemikiran kritis. Falsafah perundangan Islam merupakan suatu bidang yang mengkaji

⁵² *Ibid.*, 2: 237-239.

⁵³ *Ibid.*, 2: 237.

sesuatu hukum atau masalah secara terperinci dan kritis. Segala permasalahan dibincangkan secara mampan bagi memperoleh suatu keputusan yang benar-benar selari dengan ajaran wahyu. Justeru, falsafah perundangan Islam menjelaskan tentang hakikat keadilan, hakikat pembentukan hukum, tujuan hukum, sebab-sebab suatu kewajipan dan sebagainya.⁵⁴ Seseorang yang terlibat dengan bidang falsafah perundangan Islam memerlukan pemikiran yang kritis dan dinamik bagi mencapai matlamat perundangan Islam itu sendiri. Usaha al-Dihlawi dalam mencungkil rahsia-rahsia di sebalik syariat itu merupakan satu bentuk pemikiran yang kritis.

Terdapat beberapa prinsip asas yang digunakan oleh al-Dihlawi dalam membentangkan hikmah dan rahsia di sebalik syariat Islam. Prinsip-prinsip ini mempengaruhi seluruh rangkaian pemikiran *asrar al-shari'ah* yang beliau kemukakan. Dengan kata lain, prinsip-prinsip ini menjadi kerangka dasar beliau dalam mengemukakan setiap hikmah di sebalik syariat yang ditetapkan oleh Allah SWT. Justeru, prinsip-prinsip asas ini dapat diselaraskan dengan rangka asas pemikiran kritis al-Dihlawi di dalam kitab beliau. Prinsip asas pemikiran kritis yang dikemukakan dalam kedua-dua bahagian kitab (*al-Mabhath al-Awwal* dan *al-Mabhath al-Thani*) adalah berpaksikan kepada akidah, syariat, akhlak dan ilmu sebagaimana berikut:

i. Akidah

Prinsip asas pemikiran kritis al-Dihlawi yang pertama dalam menetapkan *asrar al-syari'ah* adalah akidah. Hal ini dapat dilihat dalam penulisan kitab beliau yang dimulai dengan perbincangan akidah. Setiap perbincangan akidah pula mempunyai hubungan erat dengan setiap rahsia di sebalik penetapan syariat Islam kerana akidah merupakan dasar

⁵⁴ Herfin Fahri, "Filsafat Hukum Islam dan Ilmu-Ilmu Shari'ah Metodologis", *Al Hikmah Jurnal Studi Keislaman*, 6(1) (2016), 47-61; Muhammad Hasdin Has, "Kajian Filsafat Hukum Islam dalam al-Quran", *Jurnal al-'Adl* 8(2) (2015), 57-69.

bagi segala amalan dan perbuatan manusia. Maka, hikmah di sebalik semua hukum Allah SWT adalah dalam rangka mewujudkan ketauhidan kepada-Nya.

Asas pemikiran kritis al-Dihlawi yang diawali dengan kekuatan akidah ini menekankan ketauhidan kepada Allah SWT melalui pengesaan terhadapNya, tidak ada sekutu dan sesuatu yang setanding denganNya. Hanya Allah SWT sahaja yang berhak disembah dan diagungkan. Al-Dihlawi membahaskan mengenai akidah ketuhanan dalam *al-Mabhath al-Awwal* yang berhubung dengan tajuk *Fi Asbab al-Taklif wa al-Majazat*. Perbahasan ini dimulakan dengan menyentuh tiga sifat Allah SWT berhubung dengan penciptaan alam ini berserta isinya. Sifat yang pertama adalah penciptaan mutlak (*ibda'*), iaitu Allah SWT menciptakan sesuatu daripada tiada kepada ada. Sifat kedua adalah penciptaan dunia nyata (*khalq*), iaitu menjadikan sesuatu daripada sesuatu yang lain seperti Allah SWT menciptakan Nabi Adam a.s daripada tanah manakala jin daripada api. Manakala sifat yang ketiga adalah pengaturan (*tadbir*) Ilahi terhadap dunia benda yang diciptakan atau penyempurnaan kepada ciptaan Allah SWT.⁵⁵

Segala aspek akidah khususnya kepercayaan kepada Allah SWT mempunyai hubung kait dengan tujuan utama pensyariatan hukum kepada manusia, iaitu menuntut supaya manusia menghambakan diri kepada Allah SWT dalam bentuk pelaksanaan ibadat. Hal ini kerana ibadat itu sendiri merupakan tujuan utama penciptaan jin dan manusia (al-Dharyyat, 51:46) serta tujuan di sebalik rahsia penciptaan langit dan bumi (al-Talaq, 65:12). Sedangkan yang dimaksudkan dengan ibadat kepada Allah SWT adalah manusia harus mengetahui bahawa diri mereka lemah, tidak mempunyai daya dan kekuatan, tidak boleh

⁵⁵ Syamsuddin Arif, "Prophecy in Later Islamic Thought: The Mystical Views of Shah Waliyullah ad-Dihlawi", *Global Jurnal al-Tsaqafah* 5(2) (2009), 311-324.

berdiri sendiri dan semua yang wujud telah ditentukan oleh-Nya.⁵⁶

Maka, rahsia pensyariatannya suatu hukum atau peraturan sama ada berbentuk suruhan mahupun larangan bertujuan melahirkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Contohnya, hikmah ibadat solat adalah untuk mengingati dan bermunajat kepada Allah SWT⁵⁷, sebagaimana firman-Nya dalam Surah Taha (20):14:

Terjemahan: "Sesungguhnya Aku ialah Allah, tidak ada tuhan selain Aku. Maka sembahlah Aku dan dirikanlah solat untuk mengingati-Ku."

Selain itu, al-Dihlawi turut membahaskan asas keimanan para malaikat (*Bab al-Mala' al-A'la*), kitab (*Min Abwab al-I'tisam bi al-Kitab wa al-Sunnah*), para Nabi dan Rasul (*Mabhath Siyasa al-Miliyyah*), hari akhirat (*Mabhath Kayfiyyah al-Majazat wa ba'd al-Mamamat*) dan qada' dan qadar (*Mabhath al-Birr wa al-Itm*) yang menjadi simbol pelaksanaan kewajipan syariat. Semua perkara ini merupakan prinsip asas akidah Islam dan dasar kepada segala aspek kehidupan manusia. Asas inilah yang memacu segala aspek kehidupan sama ada sudut keagamaan, peribadatan mahupun pemikiran.

ii. Syariat

Sepanjang penulisan kitab, al-Dihlawi membincangkan secara terperinci berkenaan ilmu syariat yang menjadi panduan kepada umat manusia. Menurut beliau, syariat merupakan hukum atau undang-undang tabii manusia yang disebabkan untuk keperluan manusia itu sendiri. Apabila manusia sampai kepada peringkat pembangunan, mereka memerlukan syariat yang tertentu. Syariat itu bukanlah dikenakan kepada manusia yang berlawanan dengan

⁵⁶ Al-Qaradawi, Yusuf, *Fiqh Maqasid Syari'ah*, terj. Arif Munandar Riswanto (Jakarta: Pustaka al-Kausar, 2007), 206.

⁵⁷ Al-Dihlawi, *Hujjah Allah*, 1: 27.

kehendak mereka tetapi ditetapkan kerana sesuatu keperluan. Kebaikan kepada manusia itu terletak kepada kepatuhan terhadap undang-undang (syariat). Dengan ini, seseorang dapat mencapai kesempurnaan dalam matlamat perhambaan kepada Allah SWT.⁵⁸

Dalam memahami konsep syariat, al-Dihlawi menyatakan tujuan utama dalam beragama adalah melaksanakan ketaatan kepada Allah SWT sama ada dalam kehidupan peribadi mahupun kehidupan sosial. Pelaksanaan syariat mestilah berlandaskan kepada prinsip-prinsip kebaikan (*maslahah*), menjaga keseimbangan antara sisi *malakiyyah* dan *bahimiyyah* serta wujud peningkatan institusi sosial yang disebut sebagai *al-irtifaqat*.⁵⁹

Lebih jauh lagi al-Dihlawi telah mengupas asal-usul syariat yang telah berkembang melalui adat kebiasaan masyarakat dan *'urf* tertentu. Sehubungan itu, al-Dihlawi telah membentangkan perbezaan syariat antara Nabi-nabi terdahulu dengan syariat Nabi Muhammad s.a.w. Walaupun setiap umat daripada zaman Nabi Adam a.s sehingga Nabi Muhammad s.a.w berbeza pada aspek syariat, namun sama dalam mentauhidkan Allah SWT dan terdapat prinsip-prinsip yang luas tentang kebaikan dan keburukan. Maka, syariat yang ditentukan setiap zaman mengikut kesesuaian keadaan, persekitaran dan tamadun tersebut. Contohnya syariat Nabi Nuh a.s mewajibkan solat pada waktu malam dan berpuasa pada siang hari kerana keadaan fizikal yang kasar dan gagah. Berbeza dengan syariat Nabi Muhammad s.a.w yang mewajibkan solat pada waktu-waktu tertentu dan puasa sebulan dalam setahun. Perbezaan syariat ini disebabkan fizikal umat Nabi Muhammad s.a.w yang lemah dan memadai dengan hanya

⁵⁸ Jalbani, G.N., *Teaching of Shah Wali Allah of Delhi* (Lahore: SH. Muhammad Ashraf, 1973), 125.

⁵⁹ Al-Dihlawi, *Hujjah Allah*, 1: 33.

melaksanakan kewajiban tersebut.⁶⁰ Prinsip kebaikan ini berasaskan kepada dua daya (*al-quwwah*) dalam diri manusia, iaitu daya *malakiyyah* dan daya *bahimiyyah*. *Al-sa'adah* terletak pada kekuatan daya *malakiyyah* dengan mematuhi setiap syariat yang ditetapkan oleh Allah SWT. Maka, ganjaran baik dan buruk bergantung kepada hati dan jiwa manusia yang selaras dengan daya *malakiyyah* tersebut.

Seterusnya al-Dihlawi menjelaskan secara terperinci setiap jenis dan spesies makhluk yang membezakan manusia dengan makhluk lain sehingga mereka menerima taklif dan pembalasan terhadap setiap perkara yang dilakukan. Selain mempunyai kekhususan sebagaimana binatang, iaitu daya *bahimiyyah* (nafsu), manusia dikurniakan daya *malakiyyah* yang mendekatkan dirinya dengan alam ketuhanan.⁶¹ Sehubungan itu, manusia dikurniakan akal dan ilmu pengetahuan serta diutuskan seorang Rasul untuk membimbing mereka ke jalan yang diredai Allah SWT. Oleh yang demikian, Allah SWT memberi hukum atau undang-undang kepada manusia kerana kasih sayang dan keadilan-Nya. Segala undang-undang Allah SWT ini dapat diketahui manusia melalui pembelajaran, pemerhatian dan ikutan sebagaimana yang ditetapkan para imam *mujtahid*. Maka, sesiapa yang tidak mematuhi undang-undang tersebut akan menyebabkan kerosakan pada diri mereka sendiri.

Al-Dihlawi turut menegaskan antara syariat yang diturunkan kepada para Nabi, syariat Nabi Muhammad s.a.w adalah paling sempurna dan sesuai sehingga ke hari kiamat. Hal ini kerana Baginda adalah Nabi yang paling sempurna dan syariat yang dibawa sangat unik dan tersendiri. Syariat Baginda juga paling nyata, jelas, mudah, senang dipercayai dan tidak ada sebarang keraguan dan kesulitan. Maka, solat, puasa, zakat, haji dan segala

⁶⁰ Al-Dihlawi, *Hujjah Allah*, 1: 33.

⁶¹ *Ibid.*

ketetapan syariat yang lain adalah suatu ketetapan yang wajib diikuti bagi mendekatkan diri kepada Allah SWT serta mendapat rahmat dan kasih sayang-Nya.

Segala ketentuan syariat juga memiliki hikmah dan rahsia yang tersendiri mencakupi keseluruhan cara hidup manusia. Hikmah yang paling besar adalah perhambaan dan pengabdian yang utuh kepada Allah SWT sebagaimana yang terdapat dalam dasar akidah tauhid. Perkara ini merupakan bentuk kemaslahatan yang paling umum dalam setiap pertanggungjawaban.

iii. Akhlak

Prinsip asas pemikiran kritis yang seterusnya adalah akhlak. Perbincangan tentang akhlak dalam kitab *Hujjah Allah* secara khusus dibentangkan dalam bab keempat, iaitu *Mabhath al-Sa'adah*. Bab ini menjelaskan tentang empat akhlak utama yang harus dimiliki setiap insan bagi mencapai *al-sa'adah*, iaitu kesucian (*al-taharah*),⁶² kepatuhan kepada Tuhan (*al-ikhbat li Allah Ta'ala*),⁶³

⁶² Hakikat kesucian merujuk kepada fitrah manusia yang sempurna ciptaannya, sihat jasmani dan rohaninya, bersih lahir dan batin. Kebahagiaan dicapai apabila manusia bersih dari sudut zahir dan batin. Ketenangan dan kebersihan jiwa manusia pula diperoleh apabila manusia menyucikan diri, pakaian dan tempatnya daripada hadas dan segala kekotoran serta najis. Keadaan tidak pada diri dan lain-lain bercanggah dengan hukum Allah SWT terutama berkaitan dengan anggota wuduk dan menyebabkan jiwa berasa pedih. Kesucian jiwa manusia akan menghubungkannya dengan malaikat dan akan sentiasa mengelakkan daripada segala kekotoran. Kekotoran adalah lambang sifat haiwan. Dengan kebersihan inilah yang akan menguatkan jiwa manusia untuk mencapai sifat malaikat kerana para malaikat bersifat suci dan bersih. Al-Dihlawi, *Hujjah Allah*, 1: 161; Noraini Junoh & Norazmila Yusuf, "Pembangunan Kerohanian dan Intelektual Insan Berasaskan Empat Akhlak Utama Shah Wali Allah al-Dihlawi," *Insaniah: Online Journal of Language, Communication and Humanities* 2(2) (2019), 25-26.

⁶³ Sifat yang kedua ini merujuk kepada ketaatan dan ketundukan diri manusia dalam mengagungkan kebesaran Allah SWT. Kepatuhan ini didapati dengan menghayati semua amalan yang diterima daripada para nabi, memerhati semua roh dan cahaya amalan, memperbanyak

kemurahan hati (*al-samahah*)⁶⁴ dan keadilan (*al-'adalah*).⁶⁵ Empat akhlak ini mempunyai hubungan yang erat dengan dua daya (*al-quwwah*) manusia, yaitu sifat

dan menjaga semua gaya amalan serta zikir. Dengan ketaatan tersebut, manusia akan berasa dirinya hina dan lemah kerana semua kekuatannya berada pada Allah SWT. Dalam keadaan ini juga jiwa manusia akan hampir kepada sifat malaikat yang sentiasa menumpukan kepada kebesaran Allah SWT. Dengan ini, manusia akan dapat menerima segala kebenaran dan bersedia melaksanakan segala perintah Allah SWT seperti malaikat. Al-Dihlawi, *Hujjah Allah*, 1: 162; Noraini & Norazmila, *Pembangunan Kerohanian dan Intelektual Insan*, 26-27.

⁶⁴ Kemurahan hati atau tolak ansur adalah satu keadaan sifat malaikat yang akan mengikis sifat haiwan dalam diri manusia. Sifat ini akan mendorong nafsu manusia supaya tidak mengikut kehendak-kehendak haiwan dalam dirinya terutama sifat bengis, rakus, bakhil, tamak dan bermegah-megah. Tanpa sifat murah hati ini, jiwa rendah manusia akan tewas kepada keinginan nafsu haiwan tersebut. Sifat murah hati ini akan membebaskan jiwa rendah yang sentiasa dalam kesempitan kepada jiwa rasional yang berlapang dada menerima segala ketentuan Tuhan untuk memperoleh kebahagiaan di akhirat kelak. Al-Dihlawi, *Hujjah Allah*, 1: 163; Noraini Junoh & Norazmila Yusuf, *Pembangunan Kerohanian dan Intelektual Insan*, 27-28.

⁶⁵ Keadilan adalah sifat atau akhlak yang paling utama dalam tuntutan syariah Islam. Ia terbentuk daripada tiga akhlak di atas dan saling berkaitan. Jiwa rasional sentiasa bertindak dengan adil, iaitu ketundukan makhluk sesuai dengan tempatnya dan meletakkan juga sesuai pada tempatnya, menutupi segala yang perlu ditutupi, menampakkan apa yang perlu ditampakkan, dan melakukan segala sesuatu pada tempatnya masing-masing disertai akal yang sedar, benar tauhidnya, sempurna makrifatnya dan penuh kejujuran serta keikhlasan. Akhlak keadilan yang sehati dengan jiwa manusia akan menyerupai malaikat yang memikul 'Arasy. Ia menjadi penghubung antara manusia dengan malaikat, seterusnya mendapat keberkatan dan kemurahan daripada Allah SWT. Allah SWT mengutuskan para nabi dan rasul untuk mengatur urusan agama dan mengeluarkan manusia daripada kegelapan kepada cahaya petunjuk serta menegakkan keadilan untuk manusia. Lihat Al-Dihlawi, *Hujjah Allah*, 1: 164; al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad, *Mukashafah al-Qulub al-Muqarrib Ila 'Allam al-Ghuyub* (Beirut: Mu'assasah al-Kutub al-Thaqafiyah, t.t.); Noraini & Norazmila, *Pembangunan Kerohanian dan Intelektual Insan*, 28-29.

malakiyyah dan sifat *bahimiyyah*. Empat akhlak ini juga menjadi asas kepada pembinaan sesebuah tamadun (*al-irtifaqat*).

Sehubungan itu, dalam menetapkan *asrar al-syari'ah*, ia tidak terlepas daripada pembentukan akhlak yang mulia. Setiap hikmah yang dikemukakan al-Dihlawi sentiasa dikaitkan dengan empat akhlak tersebut yang menekankan bagaimana manusia melaksanakan hubungan yang baik dengan Allah SWT, sesama manusia dan makhluk lain. Nilai akhlak yang mulia tercermin dengan jelas daripada hikmah yang dikemukakannya. Antara contoh, ibadat solat melahirkan akhlak ketundukan dan kepatuhan kepada Allah SWT, berpuasa melahirkan sifat takwa dan bersedekah menghapuskan sifat bakhil. Kesemua sifat tersebut terdapat dalam empat akhlak utama yang digariskan oleh al-Dihlawi.⁶⁶

Prinsip akhlak juga dapat ditemui dalam *Bab Haqiqah al-Nubuwwah* yang dijelaskan oleh al-Dihlawi bahawa para-Nabi diutuskan bagi membentuk akhlak mulia dalam kalangan umatnya. Seterusnya beliau menyatakan Nabi Muhammad s.a.w mempunyai akhlak yang paling mulia dan Baginda diutuskan untuk mengajarkan empat akhlak utama tersebut.

iv. Ilmu

Berfikir kritis perlu berasaskan ilmu yang kukuh dan bukan hanya merujuk kepada pandangan akal (*nazari*) semata-mata. Kitab *Hujjah Allah* yang dihasilkan oleh al-Dihlawi sarat dengan dalil-dalil al-Quran dan al-Sunnah. Hal ini menunjukkan beliau amat berpegang teguh dengan kedua-dua sumber ilmu tersebut. Al-Dihlawi turut mengkhususkan satu bab berkenaan dengan cara berpegang dengan Kitab dan Sunnah, iaitu *Min Abwab al-I'tisam bi al-Kitab wa al-Sunnah*. Dalam bab ini menjelaskan tentang

⁶⁶ Al-Dihlawi, *Hujjah Allah*, 1: 33.

hakikat ilmu yang benar hanyalah bersumber daripada al-Quran dan al-Sunnah.

Sehubungan itu, al-Dihlawi mengkaji penyelewengan dalam agama disebabkan sikap umat Islam yang tidak berpegang dan mengambil ringan terhadap sunnah. Nabi s.a.w menegah seseorang daripada sifat terlalu memberatkan-beratkan dalam pengambilan sunnah, terlalu mendalami urusan sesuatu melebihi penjelasan sunnah dan mengada-adakan sesuatu yang tidak terdapat dalam sunnah (bidaah),⁶⁷ sebagaimana sabda baginda yang bermaksud: "Barang siapa melakukan amalan, yang tidak didasari perintah kami, maka ia ditolak."⁶⁸

Maka, menurut al-Dihlawi golongan yang terselamat adalah berpegang dengan akidah sahih dan mengikuti dengan jelas kitab dan sunnah serta kebanyakan amalan para sahabat dan para tabiin. Menurut beliau lagi, golongan yang sesat adalah setiap kumpulan yang bermazhab dengan akidah yang bertentangan dengan akidah salaf atau berbeza dengan amalan salaf,⁶⁹ sebagaimana sabda Nabi SAW: "Umat ini tidak akan bersatu di atas kesesatan".⁷⁰

⁶⁷ Al-Dihlawi, *Hujjah Allah*, 1: 483.

⁶⁸ Muslim, Abu al-Husayn bin al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi, *Sahih Muslim* (Beirut: Dar al-Fikr, 2003), 3:1718.

⁶⁹ Al-Dihlawi menyatakan bahawa beliau berpegang dengan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang diasaskan oleh Abu al-Hasan 'Ali ibn Isma'il al-Ash'ari. Beliau berkata, "Umar keturunanku, Delhi tanah airku, Ash'ari akidahku, Sufi tarekatku, Hanafi amalanku, Hanafi dan Shafi'i pembelajaranku, mempelajari tafsir, Hadis, fikah, bahasa arab dan kalam..." Al-Dihlawi, Shah Wali Allah, *Al-Fawz al-Kabir fi Usul al-Tafsir* (Damshiq: Dar al-Ghawthani li al-Dirasat al-Qur'aniyyah, 2008), 12. Rujuk juga al-Dihlawi, Shah Wali Allah, *'Aqd al-Jid fi al-Ahkam al-Ijtihad wa al-Taqlid*. (Kaherah: al-Matba'ah al-Salafiyah, 1385H).

⁷⁰ Muslim, *Sahih Muslim*, 486-487; Ibn Majah Muhammad bin Yazid al-Qazwini, *Sunan Ibn Majah*, Kitab al-Fitan, Bab al-Sawad al-A'zam, No. 3950 (Kaherah: Matba'ah Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, t.t.), 1303; al-Tarmidhi, Muhammad bin 'Isa, *al-Jami' al-Kabir*, Bab Ma Ja'a fi Lizum al-Jama'ah, No. 2167 (Beirut: Dar al-Arab al-Islami, 1996), 40; al-Suyuti, Jalal al-Din bin Abi Bakr, *al-Jami' al-Saghir fi*

Al-Dihlawi turut menegaskan pendustaan terhadap Nabi melalui jalan riwayat yang salah adalah berdosa dan mestilah diteliti terlebih dahulu siapa periwayatnya. Beliau juga menyatakan riwayat daripada ahli kitab adalah harus dalam perkara yang membawa kepada pengajaran dan selamat daripada percampuran dalam syariat agama. Selain itu, berita-berita yang dibawa musuh-musuh Islam sama ada golongan Yahudi, Nasrani dan lainnya dalam tafsir dan hadis (*isra'iliyyat*) tidak boleh dijadikan asas hukum dan pegangan akidah.⁷¹

Seterusnya, al-Dihlawi mengklasifikasikan ilmu syariat kepada tiga bahagian⁷² sebagaimana hadis Nabi s.a.w yang bermaksud: "Ada tiga ilmu, ayat yang *muhkamat* atau sunnah yang tegas atau keputusan yang adil dan ilmu-ilmu lain adalah sampingan."⁷³

Berkenaan ayat-ayat *muhkamat*, beliau menjelaskan wajib memahami al-Quran secara lafaz, memahami sudut fungsinya sebagai hukum dengan meneliti istilah-istilah yang ganjil, sebab-sebab penurunan ayat dan memastikan ayat-ayat yang susah, yang membatalkan dan dibatal. Adapun ayat-ayat yang mempunyai hukum yang samar (*mutashabihat*) hendaklah dirujuk kepada ayat-ayat *muhkamat*. Manakala sunnah yang tegas adalah hadis-hadis yang tetap dalam bidang ibadat dalam bab tamadun termasuklah pelbagai peraturan dan sunnah yang merangkumi ilmu fiqh. Maksud tegas adalah ayat-ayat yang tidak dihapuskan atau tidak ditinggal dan periwayatannya

Ahadith al-Bashir al-Nazir, No.1818 (Beirut: Dar al-Kutub al-'Alamiyah, 2004), 103; al-'Asqalani, Ahmad ibn 'Ali ibn Hajar, *Hidayah al-Ruwah ila Takhrij Ahadith al-Masabih wa al-Mishkat* (Madinah: Dar Ibn al-Qayyim li al-Nashr wa al-Tawzi', 2001), 4(1), 171.

⁷¹ Al-Dihlawi, *Hujjah Allah*, 1: 488-489.

⁷² *Ibid.*, 1: 489.


⁷³ Abu Dawud Sulayman bin al-Ash'as, *Sunan Abi Dawud*, No. 2885, Juz. 4 (Beirut: Dar Al-Risalah al-'Alamiyah, 2009), 511; Al-'Asqalani, *Hidayah al-Ruwah*, 1: 231.

tidak terpencil dan diamal oleh kebanyakan sahabat dan tabiin. Sementara keputusan yang adil adalah bahagian pewaris yang sama dengannya, iaitu bidang-bidang kehakiman yang berfungsi menyelesaikan pertikaian dalam kalangan ulama Islam secara adil. Menurut al-Dihlawi, ketiga-tiga ilmu ini merupakan ilmu fardu kifayah dan berdosa sekiranya dalam sesebuah negara tiada orang yang arif dalam ketiga-tiga bidang tersebut.

Beliau juga mengharamkan golongan yang mentafsir al-Quran tanpa menguasai bahasa Arab dan menggunakan dalil al-Quran untuk kepentingan sendiri serta menolak sesuatu ayat yang bertentangan dengan kehendak nafsunya. Hal ini kerana, kebanyakan ayat dalam al-Quran menerangkan sifat-sifat Allah SWT dan tanda-tanda keagungan-Nya, hukum-hakam, kisah-kisah dan hujah terhadap orang kafir, perihal syurga dan neraka. Al-Quran mengandungi ayat yang zahir dan batin, tegas dan samar dan seumpamanya. Semua ini memerlukan penjelasan daripada mereka yang mendalami pelbagai bidang ilmu khususnya ilmu wahyu atau keagamaan.

Berdasarkan perbincangan di atas, terdapat empat prinsip asas pemikiran kritis dalam kerangka umum pemikiran al-Dihlawi, iaitu akidah, syariat, akhlak dan ilmu, sebagaimana yang digambarkan dalam rajah di bawah:

Rajah 1.0. Prinsip-prinsip Asas Pemikiran Kritis al-Dihlawi dalam Kitab *Hujjah Allah*



Rajah 1 di atas menunjukkan prinsip-prinsip asas pemikiran kritis al-Dihlawi yang terdapat dalam kitab *Hujjah Allah*. Beliau mencerna kesemua prinsip tersebut dalam keseluruhan kitab sehingga menampakkan hubungan erat antara satu sama lain. Beliau turut meletakkan tiga daripada asas tersebut sebagai tema utama yang ditonjolkan dalam kitab. Tiga prinsip utama yang juga dikenali dengan tauhid, fikah dan tasawuf merupakan tiga cabang besar keilmuan Islam yang seringkali menjadi kelaziman ulama-ulama besar Islam menyusun karya-karya muktabar mereka sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini.

Para ulama meletakkan ketiga-tiga asas ini sebagai subjek utama yang perlu dijelaskan kepada umat Islam. Ketiga-tiganya menjadi pelengkap kepada unsur-unsur yang terdapat dalam diri manusia, sama ada rohani, jasmani mahupun intelek. Tanpa asas ini, manusia khususnya umat Islam tidak dapat menjalani kehidupan dunia dengan sempurna apatah lagi untuk menghadapi kehidupan akhirat. Sebagai satu sistem, Islam mempunyai pola hubungan yang asas, iaitu melibatkan hubungan manusia dengan Allah SWT, hubungan sesama manusia dan hubungan dengan makhluk yang lain. Bagi merealisasikan ketiga-tiga hubungan tersebut, Islam membentuk tiga paksi asas yang menjadi terasnya, iaitu akidah, syariat dan akhlak. Pola asas ini perlu berjalan serentak dan saling mempengaruhi antara satu sama lain.⁷⁴ Apabila ketiga-tiga prinsip ini menjadi paksi utama Islam, maka prinsip pemikiran kritis Islam juga harus berpaksikan tiga cabang ilmu tersebut. Prinsip pemikiran kritis al-Dihlawi yang dituangkan dalam kitab *Hujjah Allah* dilihat tidak terkeluar daripada ketiga-tiga prinsip tersebut.

Ketiga-tiga prinsip asas ini turut dipersetujui oleh Mohd Nuri & Wan Suhaimi, Muhammad Mumtaz Ali dan

⁷⁴ Rasid Muhamad, *Menjejaki Keindahan Islam* (Shah Alam: Pusat Penerbitan Univesiti (UPENA), 2010), 24-25.

Mohd Noor Hisham dalam merangka konsep pemikiran kritis Islam. Mereka melihat prinsip inilah yang membezakan antara pemikiran kritis Islam dan Barat khususnya dalam konteks perbezaan tujuan dan matlamat kedua-duanya. Berfikir kritis Islam mempunyai makna dan tujuan tertentu yang memfokuskan kepada tujuan dan matlamat kewujudan manusia itu sendiri, iaitu bagi menyempurnakan tugas sebagai hamba dan khalifah. Konteks kebenaran dan perhambaan itu dikaitkan dengan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Maka, paksi iman dan ihsan menjadi asas yang penting dalam memperkasakan intelek umat Islam khususnya dalam menyemai budaya berfikir kritis Islam.⁷⁵

Ketiga-tiga prinsip ini tidak lengkap sekiranya tidak disertai dengan ilmu. Tujuan penulisan kitab *Hujjah Allah* adalah untuk menyuburkan budaya ilmu dalam kalangan masyarakat. Justeru, al-Dihlawi amat menekankan penguasaan pelbagai disiplin ilmu supaya umat Islam tidak bersikap tertutup dan taasub pada mana-mana pihak. Ilmu yang paling utama adalah ketiga-tiga bidang ilmu tauhid, fikah dan tasawuf. Ilmu ini wajib dituntut oleh setiap Muslim. Ketiga-tiga ilmu ini juga menjadi asas kepada ilmu lain seperti falsafah, sains, teknologi dan lain-lain. Maka, secara tidak langsung segala ilmu tersebut menjadi asas pemikiran kritis Islam. Menurut Osman Bakar, tidak ada bidang kehidupan orang Islam, sama ada kehidupan intelektual, keagamaan dan politik mahupun kehidupan harian kebanyakan orang, yang tidak diresapi oleh sikap

⁷⁵ Noor Hisham Md. Nawi, *Sinergisme Pemikiran Islam Kritis Kreatif* (Kelantan: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan, 2014); Muhammad Mumtaz Ali, *Islamic Critical Thinking* (Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd., 2011); Mohd Nuri al-Amin Endut & Wan Suhaimi Wan Abdullah, "Towards the conceptual definition of Islamic critical thinking", The 7th World Conference on Muslim Education (World-COME2009), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Ikatan Ilmuan Malaysia (ILMUAN), Grand Blue Wave Hotel, Shah Alam, Selangor, 22 Dis 2009.

ilmu sebagai nilai teragung bagi umat Islam.⁷⁶ Franz Rosenthal juga menyifatkan 'ilm sebagai salah satu konsep yang paling berpengaruh dalam Islam dan telah memberikan rupa kepada tamadun Islam dalam bentuk yang tersendiri. Malahan, tidak ada konsep lain yang dapat menandingi konsep 'ilm dari segi keberkesanan dalam mencorakkan tamadun Islam dalam segala segi.⁷⁷

Justeru, ilmu dan pemikiran kritis tidak dapat dipisahkan kerana kedua-duanya memberi tumpuan utama kepada persoalan keyakinan. Ilmu dan fikir merupakan perkara pokok yang diberi perhatian dalam al-Quran. Golongan yang berilmu adalah golongan yang berfikir sebagaimana yang disebut dalam al-Quran sebagai *ulu al-'ilm* (ilmuwan), *ulu al-albab* (yang memahami) dan *ulu al-absar* (yang menghayati). Golongan ini tidak memisahkan antara ilmu dan iman atau fikir dan zikir.⁷⁸ Kesepaduan tersebut terangkum dalam nilai ketaatan yang melahirkan keimanan yang tinggi kepada Allah SWT. Tujuan inilah yang perlu dicapai oleh setiap Muslim.

Hakikat Berfikir Kritis dalam Kitab *Hujjah Allah*

Hakikat berfikir kritis dalam pandangan al-Dihlawi dapat dilihat dalam konteks penggunaan akal dan pemikiran sebagaimana berikut:

- i. Berfikir Sesaat Lebih Baik Daripada Beribadat Enam Puluh Tahun

Al-Dihlawi amat menekankan penggunaan akal fikiran sehingga beliau mendatangkan sebuah hadis, sebagaimana sabda Nabi s.a.w yang bermaksud: "Berefikir satu saat lebih

⁷⁶ Osman Bakar, "Mewujudkan Tamadun Ilmu Berlandaskan Tauhid", dalam *Falsafah Sains daripada Perspektif Islam*, ed. Baharudin Ahmad (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 130-145.

⁷⁷ Osman Bakar, *Falsafah Sains*, 130-145.

⁷⁸ Al-Edrus, Syed Muhamad Dawilah, *Epistemologi Islam Teori Ilmu dalam al-Quran* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999), 11.

baik daripada beribadat enam puluh tahun".⁷⁹ Hadis ini senada dengan hadis yang dinukilkan oleh al-Ghazali, sebagaimana sabda Nabi s.a.w yang bermaksud: "Berfikir sesaat lebih baik daripada beribadat setahun".⁸⁰ Menurut al-Dihlawi, maksud hadis ini adalah berfikir tentang semua ciptaan Allah SWT, kematian, seksa kubur dan kejadian-kejadian hari kiamat lebih baik daripada melakukan ibadat sepanjang masa. Hal ini kerana berfikir mengenai perkara-perkara tersebut akan mendatangkan rasa keinsafan sekali gus menjauhkan seseorang daripada amalan-amalan yang keji.⁸¹

Hadis ini juga menggesa umat Islam supaya menggunakan akal fikiran melalui muhasabah diri dengan menilai semua amalan yang dilakukan. Penilaian ini dilakukan untuk menolak amalan-amalan yang bertentangan dengan syariat Islam. Maka, apa yang akan dilakukan seterusnya adalah lebih baik daripada sebelumnya. Dengan cara ini, segala kesilapan yang berlaku dapat dibaiki dengan segera.⁸²

ii. Berfikir Sebagai *Muraqabah*

Umat Islam juga digesa untuk berfikir tentang sifat-sifat Allah SWT seperti keluasan ilmu, kekuasaan dan rahmat-Nya.⁸³ Gesaan berfikir ini dapat dilihat dalam sabda Nabi

⁷⁹ Al-Asfihani, Abu al-Shaykh 'Abd Allah bin Muhammad, *al-'Azamah*, No. 43 (Riyadh: Dar al-'Asimah, 1988); Ibn Jawzi 'Abd al-Rahman bin 'Ali, *Kitab al-Mawdu'at min al-Ahadith al-Marfu'at*, No. 1627 (Riyadh: Maktabah Adwa' al-Salaf, 1997), 367; al-Dhahabi, Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman bin Qaymaz, *Tartib al-Mawdu'at* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994), 964.

⁸⁰ Al-Jaylani, Syeikh 'Abdul Qadir, *Sirr al-Asrar*, terj. Zezen Zainal Abidin Zayadi Bazul Asybab (Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd., 2003), 26; Al-'Iraqi, Ibn al-Subki & al-Zabidi, *Takhrij Ahadith Ihya' 'Ulum al-Din* (Riyadh: Dar al-'Asimah li al-Nashr, 1987), 6: 3880.

⁸¹ Al-Dihlawi, *Hujjah Allah*, 1999, 2: 189.

⁸² Marzelah Makhsin et al., "Pembelajaran Kendiri Dalam Pendidikan Islam", *Journal of Islamic and Arabic Education* 4(1) (2012), 48.

⁸³ Al-Dihlawi, *Hujjah Allah*, 1999, 2: 189.

s.a.w yang bermaksud: "Bertikirlah kamu tentang nikmat-nikmat Allah dan jangan bertikirl tentang (zat) Allah".⁸⁴ Manakala terdapat banyak ayat al-Quran yang dinukilkan oleh al-Dihlawi terhadap gesaan bertikirl tentang sifat dan nikmat Allah SWT:

Terjemahan: "Tidakkah kamu perhatikan bahawa Allah mengetahui segala yang ada di langit dan yang ada di bumi? Tidak ada pembicaraan rahsia antara tiga orang melainkan Dialah yang keempatnya. Dan tidak ada (berlaku antara) lima orang melainkan Dialah yang keenamnya. Dan tidak ada yang kurang daripada itu atau lebih banyak, melainkan dia pasti ada bersama mereka di mana pun mereka berada. Kemudian, dia akan memberitahu kepada mereka pada hari kiamat apa-apa yang telah dilakukan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."

Al-Mujadalah (58):7

Terjemahan: "Ingatlah, Sesungguhnya mereka (yang kufur ingkar) sentiasa ragu-ragu tentang pertemuan dengan Tuhan mereka. Ingatlah, sesungguhnya Allah Maha Meliputi pengetahuan-Nya akan segala sesuatu."

Fussilat (41):54

Terjemahan: "Bagi Allah jualah yang memiliki kerajaan langit dan bumi serta segala yang ada di dalamnya. Dan sesungguhnya Dia Maha Berkuasa atas setiap sesuatu."

Al-Ma'idah (5):120

Berdasarkan dalil-dalil tersebut, al-Dihlawi menegaskan umat Islam perlu memikirkan sifat-sifat Allah

⁸⁴ Al-Tabrani, Sulayman bin Ahmad, *al-Mu'jam al-Awsat*, No. 6319 (Kaherah: Dar al-Haramayn, 1995), 250.

SWT bukan memikirkan zat-Nya. Perbahasan tentang zat Allah SWT tidak dinyatakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Perkara ini juga akan mendatangkan kesesatan dan kebatilan. Beliau juga mengkritik golongan Muktazilah yang secara terang-terangan membahaskan dan menafikan sifat Allah SWT seperti hakikat mendengar, melihat dan berkata-kata bagi Allah SWT.⁸⁵

Justeru, memikirkan tentang sifat-sifat Allah SWT melahirkan sifat *muraqabah* yang akan mendekatkan seseorang kepada Allah-Nya.⁸⁶ Menurut al-Harith al-Muhasibi, *muraqabah* bermaksud hati sentiasa merasakan kewujudan-Nya dan Allah Maha Mengetahui setiap tingkah laku seseorang. Sifat ini membentuk takwa dalam diri, menimbulkan rasa syukur terhadap nikmat Allah SWT, sabar dalam menghadapi musibah dan bersifat pemaaf apabila disakiti.⁸⁷ Tambahan lagi, al-Ghazali menjelaskan bahawa *muraqabah* ketika menghadapi musibah dan ujian hendaklah dengan berusaha untuk reda dan sabar.

Sifat ini juga menurut al-Dihlawi adalah selari dengan konsep ihsan, iaitu merasakan kehadiran Allah SWT dalam setiap apa yang dilakukan sepanjang kehidupan.⁸⁸ Hal ini menepati maksud hadis Nabi s.a.w yang bermaksud: "Bahawa kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihat-Nya, sekiranya kamu tidak melihat-Nya sesungguhnya Ia melihat kamu".⁸⁹ Maka, sifat *muraqabah* merupakan salah satu sifat Mukmin sejati yang melaksanakan ketaatan kepada Allah SWT sepanjang masa dan di mana sahaja. Tanpa sifat ini, ia akan membawa seseorang kepada jurang kemaksiatan walaupun memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi.

⁸⁵ Al-Dihlawi, *Hujjah Allah*, 1999, 2: 190.

⁸⁶ *Ibid.*, 1999, 2: 189-190.

⁸⁷ Al-Harith al-Muhasibi, *al-Wasaya*, ed. 'Abd al-Qadir Ahmad Ata (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1986).

⁸⁸ Al-Dihlawi, *Hujjah Allah*, 2: 216.

⁸⁹ Al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il, *Sahih al-Bukhari* (Beirut: Dar Ibn Kathir, 2002), 6: 4777.

iii. Berfikir Melahirkan Sifat Syukur

Apabila seseorang memikirkan tentang sifat-sifat Allah Yang Maha Mulia dan Maha Sempurna serta memikirkan segala ciptaan Allah SWT, maka dirinya akan tenggelam dalam nikmat-Nya yang tidak terhingga. Contohnya berfikir bagaimana Allah SWT menurunkan hujan dan menumbuhkan pepohon yang menjadi sumber makanan dan minuman bagi manusia dan haiwan.⁹⁰ Hal ini dijelaskan dalam firman Allah SWT:

Terjemahan: "(Iaitu) orang yang menyebut dan mengingati Allah ketika berdiri, duduk atau dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (lalu berkata): "Wahai Tuhan kami, tidaklah Engkau menciptakan benda-benda ini dengan sia-sia. Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami daripada azab neraka!"

Ali 'Imran (3):191

Justeru, berfikir secara mendalam tentang nikmat dan rahmat Allah SWT melahirkan sifat syukur. Sifat ini merupakan salah satu *maqam* orang yang beriman dalam menuju keredaan Allah SWT. Menurut al-Dihlawi, seseorang yang memiliki sifat ini mendapati semua nikmat zahir dan batin merupakan limpahan daripada Allah yang Maha Tinggi dan Maha Mulia. Semua nikmat ini dikembalikan kepada Allah SWT disebabkan seseorang kasih kepada Allah SWT dan menyedari segala kelemahannya.⁹¹ Ini bersesuaian dengan sabda Nabi s.a.w yang bermaksud: "Orang yang pertama sekali diseru ke syurga adalah mereka yang selalu memuji Allah SWT pada masa senang dan susah".⁹²

⁹⁰ Al-Dihlawi, *Hujjah Allah*, 2: 218.

⁹¹ *Ibid.*, 2: 244.

⁹² Al-Tabrani, Sulayman bin Ahmad, *al-Mu'jam al-Kabir*, No. 12345, Juz. 12 (Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah, t.t.), 19.

Maksud hadis di atas, tanda akal dan hati seseorang tunduk kepada keyakinan terhadap Tuhannya adalah mengenali nikmat secara mendalam. Limpahan pujian dan doa diucapkan kepada Allah SWT bagi menambahkan lagi nikmat kurniaan-Nya. Oleh itu, kesyukuran hanya sempurna apabila seseorang menyedari keajaiban Allah SWT yang dikaitkan dengan usia yang semakin meningkat.⁹³ Hal ini dapat dilihat dalam definisi syukur oleh al-Muhasibi yang menyatakannya sebagai limpahan kurnia yang diberikan Allah SWT kepada seseorang yang bersyukur nikmatNya. Dengan kata lain, ketika bersyukur segala nikmat Allah SWT, maka seseorang akan diberikan nikmat yang lebih besar. Rasa syukur juga merupakan pintu untuk memperoleh hakikat *al-sa'adah*.

iv. Berfikir Dapat Menundukkan Sifat *Bahimiyyah*

Manusia adalah makhluk yang terdiri daripada dua sifat, iaitu sifat kemalaikatan (*malakiyyah*) dan sifat kebinatangan (*bahimiyyah*).⁹⁴ Mereka berkecenderungan

⁹³ Al-Dihlawi, *Hujjah Allah*, 2: 245.

⁹⁴ Istilah *bahimiyyah* dan *malakiyyah* seringkali dibincangkan dalam perspektif psikologi sama ada dalam kalangan ulama tasawuf mahupun ahli falsafah. Al-Quran sendiri mengungkapkan tiga jenis kecenderungan jiwa manusia iaitu *nafs al-ammarah* (Yusuf, 12: 53), *nafs al-lawwamah* (al-Qiyamah, 75: 2) dan *nafs al-mutma'innah* (al-Fajr, 89: 27-28). Dalam ayat al-Isra', 17:84, al-Dihlawi memperincikan lagi sifat *malakiyyah* dan *bahimiyyah*. Potensi kemalaikatan (*malakiyyah*) dalam diri manusia disertai dengan dua aspek. Aspek pertama bersesuaian dengan *al-Mala' al-A'la* yang mana tugas mereka diwarnai pengetahuan tentang nama-nama Allah SWT dan sifat-sifatNya, rahsia-rahsia '*Alam al-Mithal* dan pemahaman yang menyeluruh mengenai sesuatu perintah. Inilah pengetahuan dan sifat yang paling tinggi dapat diraih para Nabi. Aspek kedua pula berkaitan dengan *al-Mala' al-Safil* yang mana mereka menerima segala perintah dan suruhan tanpa memahaminya dan tidak disertai dengan pengetahuan mendalam serta menolak nilai-nilai kebinatangan. Maksudnya tugas mereka semata-mata tunduk dan patuh segala arahan daripada Allah SWT tanpa pengetahuan yang tinggi sebagaimana yang diperoleh *al-Mala' al-A'la*. Daya kebinatangan (*bahimiyyah*) juga diciptakan dengan dua aspek.

untuk memiliki kesucian sifat *malakiyyah* dan keghairahan sifat *bahimiyyah* berdasarkan kepada amalan dan perlakuan masing-masing.⁹⁵ Maka, aktiviti berfikir dapat menundukkan sifat *bahimiyyah* dalam diri manusia. Contohnya berfikir tentang hari pembalasan yang mana Allah SWT mengangkat satu kaum dan menjatuhkan kaum yang lain, sebagaimana firman Allah SWT:

Terjemahan: "Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan Musa (pada masa lalu) dengan membawa ayat-ayat Kami, (dan Kami perintahkan kepadanya), "Keluarlah kaummu daripada kegelapan kepada cahaya dan ingatkanlah mereka dengan hari-hari Allah." Sesungguhnya perkara ini mengandungi tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi setiap orang yang penyabar dan banyak bersyukur."

Ibrahim (14):5

Dengan peringatan ini, jiwa akan terasing daripada dunia. Contoh lain, berfikir tentang kematian dan peristiwa yang berlaku selepasnya sebagaimana sabda Nabi SAW

Pertama, aspek kuat dan kasar seperti kuda yang memiliki fizikal yang kuat, suara yang kasar, kemahuan yang besar, semangat persaingan yang tinggi dalam perlumbaan dan penampilan serta hati yang berani. Kedua, aspek yang lemah dan lembut seperti kuda yang memiliki fizikal yang kecil dan lemah, hatinya tidak teguh dan tiada semangat bersaing sama ada dalam perlumbaan atau penampilan. Itulah sifat-sifat yang sering mendominasi manusia dalam menentukan hala tuju seseorang. Jika sifat malaikat menguasai maka selamatlah manusia dunia dan akhirat. Jika sebaliknya merekalah golongan yang paling rugi. Lihat Al-Dihlawi, *Hujjah Allah*, 1: 86.

⁹⁵ Al-Dihlawi, *Hujjah Allah*, 1: 26; Al-Dihlawi, Shah Wali Allah, *Ta'wil al-Ahadiith li al-Dihlawi*, terj. Jalbani (G.N. New Delhi: Nusrat Ali Nasri for Kitab Bhavan, 1981), 15; Al-Muhasibi, Abu 'Abd Allah al-Harith, *Al-Ri'ayah li Huquq Allah* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1990), 251.

yang bermaksud: "Maka, perbanyakkanlah mengingat akan pemutus kelazatan, iaitu mati."⁹⁶

Seseorang hendaklah menggambarkan keadaan mati dan bebas daripada sebarang usaha baik dan buruk serta pembalasan yang datang kepadanya. Inilah dua bahagian yang paling berguna kerana jiwa menolak gambaran dunia. Jika seseorang yang bebas daripada sebarang gangguan, memikirkan secara mendalam tentang perkara-perkara ini, nescaya sifat *bahimiyyah* akan ditundukkan dan sifat *malakiyyah* akan dominan. Namun, kebanyakan manusia sukar atau tidak berpeluang untuk memikirkan perkara sebegini secara mendalam disebabkan kesibukan dunia.⁹⁷

Berdasarkan perbincangan di atas, al-Dihlawi tidak membahaskan kepentingan berfikir kritis secara terfokus. Namun, boleh diinterpretasikan melalui konsep akal dan kepentingan berfikir sebagaimana yang dikemukakan al-Ghazali, al-Dihlawi membincangkan konsep akal dari sudut falsafah kesufian yang mengaitkan akal dengan *qalb* dan *nafs*. Maka, perbincangan akal bagi al-Dihlawi bukan sekadar dari sudut fungsi untuk berfikir perkara-perkara lahir sahaja, tetapi merangkumi perkara yang tidak dapat dijangkau oleh pancaindera biasa khususnya mengenai ketuhanan.

Secara umumnya, empat kepentingan berfikir yang dibincangkan sebelum ini menggesa umat Islam untuk berfikir secara mendalam khususnya memikirkan tentang keagungan Allah SWT. Tujuan berfikir tersebut kembali kepada satu tujuan, iaitu untuk meningkatkan keimanan dan keyakinan seseorang hamba kepada Allah SWT.

Secara khusus, kepentingan berfikir kritis yang dikemukakan oleh al-Dihlawi boleh dirangkumkan kepada

⁹⁶ Al-Tirmidhi, Abi 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sawrah, *al-Jami' al-Sahih wahuwa Sunan al-Tirmidhi*, Kitab Sifat al-Qiyamah, Bab 26 (Kaherah: Sharikah Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh, 1978), 4: 2460.

⁹⁷ Al-Dihlawi, *Hujjah Allah*, 2: 219.

dua bahagian. Pertama, berhubung dengan pemikiran mendalam terhadap kekuasaan Allah SWT melalui tanda-tanda-Nya. Hal ini digesa oleh al-Dihlawi apabila beliau membawakan hadis yang menyatakan berfikir sesaat lebih baik daripada beribadat enam puluh tahun. Mengikut hemat penulis, perkara yang ingin disampaikan oleh al-Dihlawi bermaksud adalah lebih baik seseorang berfikir sedikit tentang alam dunia mahupun alam akhirat untuk melihat keagungan dan kekuasaan Allah SWT daripada melakukan pelbagai amal ibadat sepanjang hidupnya.

Ibadat tidak seharusnya dilakukan secara taklid buta atau atas dasar ikutan tanpa mengkaji atau memahami setiap amalan yang dilakukannya. Gagasan pembaharuan al-Dihlawi adalah menentang amalan taklid dan taasub yang telah sebatu dalam kalangan umat Islam di zamannya. Bagi beliau, setiap ajaran Islam perlu dihayati dengan sebaik mungkin. Sesuatu amalan yang diterima oleh Allah SWT mestilah dilakukan dengan ikhlas tanpa cenderung kepada dasar nafsu.⁹⁸ Manakala berfikir tentang keagungan Allah SWT terangkum dalam zikir, iaitu mengingati Allah SWT dalam apa jua keadaan. Zikir dan fikir, tidak dapat dipisahkan dan inilah sifat golongan pemikir kritis.⁹⁹ Zikir dan fikir ini sekali gus dapat mendekatkan diri seseorang kepada Allah SWT (*muraqabah*) dan turut melahirkan rasa syukur atas segala nikmat keagungan yang diberi oleh-Nya.

Kedua, pemikiran kritis penting kerana ia berhubung dengan pembentukan sifat manusia mengikut fitrah kejadiannya. Al-Dihlawi berpandangan bahawa fitrah manusia bersifat suci dan cenderung kepada alam kemalaikatan. Namun pelbagai hijab menghalang kecenderungan fitrah tersebut seperti yang telah dibincangkan secara terperinci dalam perbincangan *al-sa'adah*. Justeru, salah satu cara untuk melahirkan fitrah

⁹⁸ Rasid Muhamad, *Menjejak Keindahan Islam*, 24.

⁹⁹ Sidek Baba, *Fikir dan Zikir* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009), 139; Al-Edrus, *Epistemologi Islam*, 11.

kesucian atau ketuhanan tersebut adalah melalui aktivitas berfikir kritis. Apabila seseorang memikirkan tentang alam ini, alam akhirat, peristiwa-peristiwa lalu dan tanda-tanda kekuasaan Allah SWT, maka seseorang dapat menundukkan nafsu *bahimiyyah* yang menguasai diri. Menurut al-Ghazali, akal berfungsi sebagai pentadbir yang dapat mengendalikan hal ehwal nafsu sehingga nafsu tersebut boleh membantu (bukan menghalang) pertumbuhan spiritual atau rohani seseorang. Maka, berfikir kritis dapat menundukkan sifat *bahimiyyah* yang mengutamakan nafsu sebagai cara hidup.

Rumusan

Kelebihan manusia adalah apabila dikurniakan akal untuk berfikir dalam mengatur urus kehidupan, menjadi maju dan berdaya saing dalam segenap aspek. Namun, perlu diakui bahawa akal manusia tetap mempunyai keterbatasan untuk berfikir dan memerlukan pedoman wahyu. Akal tidak mampu mencapai persoalan ghaib seperti dosa, pahala, nikmat syurgawi dan sebagainya. Justeru, wahyu berperanan memandu dan mengarah akal untuk menerimanya sekalipun di luar dari logika pemikiran. Dalam masa yang sama, akal yang tidak terpandu dengan agama boleh menjerumuskan seseorang kepada kesesatan dan kegelinciran beragama.

Reformasi penggunaan akal menurut falsafah islami telah dilakukan oleh al-Dihlawi dalam memurnikan nilai kemanusiaan sesuai dengan syariat Ilahi. Tokoh *mujaddid* abad ke-18 ini telah mengetengahkan nilai kesufian dalam falsafah akal yang berhubung erat dengan pemikiran kritis. Prinsip pemikiran kritis menurut al-Dihlawi berada dalam lingkungan ilmu yang mencakupi aspek akidah, syariah dan akhlak. Keterangkuman ini menjadikan fungsi akal manusia terarah kepada natijah yang dibenarkan oleh batas syariat. Ternyata hakikat berfikir kritis menjadikan manusia seorang yang beriman luhur, sentiasa *muhasabah*, *muraqabah*, syukur dengan segala nikmatNya seterusnya

menghasilkan sifat *malakiyyah* di samping menundukkan sifat *bahimiyyah* dalam diri.

Penghargaan

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) Universiti Teknologi MARA atas pembiayaan geran penyelidikan yang bertajuk, Indeks Kebahagiaan Shah Wali Allah al-Dihlawi: Analisis Kadar Kebahagiaan Ahli Akademik Dalam Budaya Kerja Mampan Era Pandemi COVID-19. (600-RMC/GPM LPHD 5/3 (173/2021).

Rujukan

- Abd Ganing Laengkang & Wan Mohd Fairaz Wan Mohd Ghazali. "Konsep Akal dan Adab Kesopanan Dalam Buku *Falsafah Hidup* oleh Prof. Hamka." *Jurnal Sultan Alauddin Sulaimann Shah*, 2(2) (2015): 127-141.
- Abu Dawud, Sulayman bin al-Ash'as. *Sunan Abi Dawud*, Juz. 4. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah, 2009.
- A'isyah Sari & Rahimah Hamou. "Malamih al-Fikr al-Siyasi li Shah Wali Allah al-Dihlawi." *Majallat Mi'yar*, 26(6) (2022): 849-867.
- Al-'Asqalani, Ahmad ibn 'Ali ibn Hajar. *Hidayah al-Ruwah ila Takhrij Ahadith al-Masabih wa al-Mishkat*. Madinah: Dar Ibn al-Qayyim li al-Nashr wa al-Tawzi', 2001.
- Al-'Iraqi, Ibn al-Subki & al-Zabidi. *Takhrij Ahadith Ihya' Ulum al-Din*. Riyadh: Dar al-'Asimah li al-Nashr, 1987.
- Al-Asfihani, Abu al-Shaykh 'Abd Allah bin Muhammad. *Al-'Azamah*. Riyadh: Dar al-'Asimah, 1988.
- Al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il. *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ibn Kathir, 2002.
- Al-Dhahabi, Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman bin Qaymaz. *Tartib al-Mawdu'at*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994.
- Al-Dihlawi, Shah Wali Allah. *Al-Fawz al-Kabir fi Usul al-Tafsir*. Damshiq: Dar al-Ghawthani li al-Dirasat al-Qur'aniyyah, 2008.

- Al-Dihlawi, Shah Wali Allah. *Aqd al-Jid fi al-Ahkam al-Ijtihad wa al-Taqlid*. Kaherah: al-Matba'ah al-Salafiyah, 1385 H.
- Al-Dihlawi, Shah Wali Allah. *Hujjah Allah al-Balighah*. Beirut: Dar Ihya' al-'Ulum, 1999.
- Al-Dihlawi, Shah Wali Allah. *Ta'wil al-Ahadith li al-Dihlawi*, terj. Jalbani. G.N. New Delhi: Nusrat Ali Nasri for Kitab Bhavan, 1981.
- Al-Edrus, Syed Muhamad Dawilah. *Epistemologi Islam Tori Ilmu dalam al-Quran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999.
- Al-Farabi, Abu Nasr Muhammad bin Muhammad. *Ara' Ahl al-Madinah al-Fadilah*. Kaherah: Matba'ah al-Sa'adah. 1906.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. *Al-Munqidh min al-Dalal*. Damsyiq: Dar al-Fikr, 1934.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Jeddah: Dar al-Minhaj li al-Nashr wa al-Tawzi', 2011.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. *Majmu'ah Rasa'il al-Imam al-Ghazali*, tahqiq Ibrahim Amin Ahmad. Kaherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyah, t.t.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. *Mukashafah al-Qulub al-Muqarrib ila 'Allam al-Ghuyub*. Beirut: Mu'assasah al-Kutub al-Thaqafiyah, t.t.
- Al-Harith al-Muhasibi. *Al-Wasaya*, tahqiq 'Abd al-Qadir Ahmad 'Ata. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1986.
- Al-Jaylani, Syeikh 'Abdul Qadir. *Sirr al-Asrar*, terj. Zezen Zainal Abidin Zayadi Bazul Asybab. Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd., 2003.
- Al-Mawdudi, Sayyid Abul A'la. *Islamic Way of Life*. Karachi: Islamic Research Academy, 1967.
- Al-Muhasibi, Abu 'Abd Allah al-Harith. *Al-Ri'ayah li Huquq Allah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1990.

- Al-Qaradawi, Yusuf. *Fiqh Maqasid Syari'ah*, terj. Arif Munandar Riswanto. Jakarta: Pustaka al-Kausar, 2007.
- Al-Qushayri, 'Abd al-Karim ibn Hawazin. *al-Risalah al-Qushayriyyah*. Beirut: Dar al-Jayl, 1990.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din bin Abi Bakr. *al-Jami' al-Saghir fi Ahadith al-Bashir al-Nazir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Alamiyyah, 2004.
- Al-Tabrani, Sulayman bin Ahmad. *Al-Mu'jam al-Awsat*. Kaherah: Dar al-Haramayn, 1995.
- Al-Tabrani, Sulayman bin Ahmad. *al-Mu'jam al-Kabir*, Juz. 12. Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah, t.t.
- Al-Tirmidhi, Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sawrah. *al-Jami' al-Sahih wahuwa Sunan al-Tirmidhi*. Kaherah: Sharikah Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh, 1978.
- Al-Tusi, Abu Nasr al-Sarraj. *Al-Luma' fi al-Tasawwuf*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Hadithah, Baghdad: Maktabah al-Mathna, 1960.
- Al-Yubi, Muhammad Sa'd bin Ahmad bin Mas'ud. *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah wa 'Alaqtuha bi 'Adillah al-Shar'iyah*. Riyadh: Dar al-Hijrah li al-Nashr wa al-Tawzi', 1998.
- Anita Ismail et al., "Pembentukan Pemikiran Kreatif dan Kritis: Hubungannya Dalam Menyelesaikan Masalah." *Sains Insani*, 5(1) (2020): 43-47.
- Azharudin Mohamed Dali, "Ulama dan Gerakan Revivalis Islam di India Antara 1700-1850an", *Jurnal Usuluddin* 16 (2002): 51-74.
- Bey Zekkoub Abdelali & Yassir Mohamed Tarshani. "Mustalah al-'Aql fi al-Qur'an al-Karim wa Wasa'il al-Huffaz 'Alaihi: Dirasah Qur'aniyyah Maqsadiyyah." *Jurnal al-Turath* 5(2) (2020): 85-102.
- Bhat, Ab. Rashid, "Shah Wali-u Allah: An Analysis of the Trends in His Religious Thought", Thesis Shah-i-Hamdan Institute of Islamic Studies, University of Kashmir, Hazratbal-Srinagar, 1997.

- Fadlan Mohd Othman et al., "*Hujjat Allah al-Balighah: The Uniqueness of Shah Wali Allah al-Dihlawi's Work*," *Mediterranean Journal of Social Sciences* 6(5) (2015): 405.
- Herfin Fahri. "Filsafat Hukum Islam dan Ilmu-Ilmu Shari'ah Metodologis". *Al-Hikmah Jurnal Studi Keislaman* 6(1) (2016): 47-61.
- Hermansen, Marcia K.. "Shah Wali Allah's Theory of the Subtle Spiritual Centers (*Lata'if*): A Sufi Model of Personhood and Self-Transformation." *Journal of Near Eastern Studies* 47(1) (1988): 1-25.
- Hui, Lim Kim. *Seni Pemikiran Kritis Satu Pendekatan Logik Tak Formal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009.
- Husein Muhammad Na'im al-Haq. "Malamih al-Tajdid fi Fikri al-Imam Wali Allah al-Dihlawi." *al-Majallah Al-'Arabiyyah, Jami'ah Dhaka* 22 (2021): 81-100.
- Ibn Jawzi 'Abdul Rahman bin 'Ali. *Kitab al-Mawdu'at min al-Ahadith al-Marfu'at*. Riyadh: Maktabah Adwa' al-Salaf, 1997.
- Ibn Majah, Muhammad bin Yazid al-Qazwini. *Sunan Ibn Majah*. Kaherah: Matba'ah Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah., t.t.
- Ibn Sina, Abu 'Ala al-Husayn ibn 'Abd Allah. *Al-Najat fi al-Hikmah al-Mantiqiyah wa al-Ilahiyyah*. Kaherah: Matba'ah al-Sa'adah. 1938.
- Islahi, Abdul Azim. *Islamic Economic Thinking in the 12th AH/18th CE Century*. Jeddah: Scientific Publishing Center, 2011.
- Ismail Che Daud. "Tok Khurasan (1875-1944)." Dalam *Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)*, ed. Ismail Che Daud. Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu, 2012.
- Jalbani, G.N. *Teaching of Shah Wali Allah of Delhi*. Lahore: SH. Muhammad Ashraf, 1973.

- Jalbani, G.N., *Sufism and the Islamic Tradition: The Lamahat and Satahat of Shah Waliullah*. London: t.p., 1980.
- Jamil Ahmad. *Hundred Great Muslims*. Jakarta: Pustaka Firdaus, 1987.
- Khan, Muhammad Majlom. *The Muslim Hundred; The Lives, Thought and Achievements of the Most Influential Muslims in History*. UK: Kube Publish Ltd., 2010.
- Mahayudin Yahaya. *Ensiklopedia Sejarah Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1986.
- Mardzelah Makhsin et al. "Hisbah Pembelajaran Kendiri Dalam Pendidikan Islam." *Journal of Islamic and Arabic Education* 4(1), 2012: 45-60.
- Maria Salih, "Konsep Pemikiran dan Kemahiran Berfikir Kritis." Dalam *Pemikiran Kritis dan Kreatif: Konsep, Pendekatan dan Aplikasi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran*, ed. Nurulhuda Abd Rahman & Md Nasir Ibrahim. Perak: Penerbit UPSI, 2013.
- Mohd Nuri al-Amin Endut & Wan Suhaimi Wan Abdullah, "Towards the Conceptual Definition of Islamic Critical Thinking", The 7th World Conference on Muslim Education (World-COME2009), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Ikatan Ilmuan Malaysia (ILMUAN), Grand Blue Wave Hotel, Shah Alam, Selangor, 22 Dis 2009.
- Muhammad Hasdin Has. "Kajian Filsafat Hukum Islam dalam Al-Quran". *Jurnal al-Adl* 8(2) (2015): 57-69.
- Muhammad Mumtaz Ali. "The Foundation and Principles of Critical Thinking." *The American Journal of Islamic Social Sciences* 33(4) (2016): 132-144.
- Muhammad Mumtaz Ali. *Islamic Critical Thinking*. Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd., 2011.
- Munir Maher al-Shatir & Sarah Matla' al-Qihatani. "Al-Afkar al-Iqtisadiyyah 'ind al-Imam Ahmad bin 'Abd al-Rahim al-Dihlawi fi Kitabih Hujjah Allah al-Balighah."

International Journal of al-Turath in Islamic Wealth and Finance 2(1) (2021): 37-78.

- Muslim, Abu al-Husayn bin al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi. *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Fikr, 2003.
- Nik Abdul Aziz Nik Hassan. "Kepentingan Tariq Shah Wali Allah al-Dihlawi dan Relevannya dalam Konteks Malaysia Kini." Dalam *Dimensi Pemikiran Shah Wali Allah al-Dihlawi dan Pengaruhnya di Malaysia*, ed. Abdul Salam Muhammad Syukri. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2007.
- Noor Hisham Md. Nawi. *Sinergisme Pemikiran Islam Kritis Kreatif*. Kelantan: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan, 2014.
- Noraini Junoh & Abdul Manam Mohamad. "Pemikiran Kritis Islam: Analisis Terhadap Istilah-istilah Berkaitan dalam al-Quran." *Journal of Muwafaqat* 3(1) (2020): 130-149.
- Noraini Junoh & Norazmila Yusuf. "Pembangunan Kerohanian dan Intelektual Insan Berasaskan Empat Akhlak Utama Shah Wali Allah al-Dihlawi." *Insaniah: Online Journal of Language, Communication, and Humanities* 2(2) (2019): 17-34.
- Noraini Junoh, Abdul Manam Mohamad & Zanirah Mustafa @ Busu. "Kitab Hujjah Allah al-Balighah karya Shah Waliyy Allah al-Dihlawi: Suatu Pengenalan." *Asian Journal of Civilizational Studies* 1(3) (2019): 1-16.
- Noraini Junoh, Ahmad Murshidi Mustapha & Abdul Manam Mohamad. "Metodologi Penyusunan Kitab Hujjah Allah al-Balighah Karya Shah Wali Allah al-Dihlawi (1703-1762M)." *Journal of Islamic Social Science and Humanities* 27 (2022): 210-228.
- Osman Bakar. "Mewujudkan Tamadun Ilmu Berlandaskan Tauhid." Dalam *Falsafah Sains daripada Perspektif Islam*, ed. Baharudin Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994: 130-145.

- Osman Bakar. *Al-Farabi: Kehidupan, Hasil Karyanya dan Peri Penting Tokoh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
- Qureshi, I. H. *Ulema in Politics A Study Relating to the Political Activities of the Ulema in the South-Asian Subcontinent From 1556 to 1947*. Karachi: Ma'aref Limited, 1974.
- Rasid Muhamad. *Menjejaki Keindahan Islam*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Univesiti (UPENA), 2010.
- Rizvi, Saiyid Athar Abbas. *Shah Wali-Allah and His Times*. Australia: Ma'rifat Publishing House, 1980.
- Sa'id Hawa. *Tarbiyatuna al-Ruhiyyah*. Kaherah: Dar al-Salam, 1999.
- Sa'id Murad. *Al-'Aql al-Falsafi fi al-Islam*. Kaherah: Publisher Ein For Human and Social Studies, 2000.
- Sayyid 'Abdul Majid al-Ghawri. "Al-Imam Shah Wali Allah al-Dihlawi Wujududih fi al-Qur'an al-Karim Tafsiran wa Watarjamatan Wata'silan." *Wahdah al-Ummah* 7 (2016): 198-231.
- Schimmel, Annemarie. *Islam in the Indian Subcontinent*. Leiden: E.J. Brill, 1980.
- Shahril Nizam Zulkipli et al. "The Development Theory of al-'Aql, al-Qalb and al-Nafs in Islamic Psychotherapy." *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 12(11) (2022): 2432-2449.
- Sheikh Ahmad Sheikh Abdullah, "Shah Wali Allah Pejuang Ilmuan Islam". Dalam *Majalah Cahaya*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2004.
- Sidek Baba. *Fikir dan Zikir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009.
- Syamsuddin Arif. "Prophecy in Later Islamic Thought: The Mystical Views of Shah Waliyullah ad-Dihlawi." *Global Jurnal al-Tsaqafah* 5(2) (2009): 311-324.
- Voll, John O. "Abdallah ibn Salim al-Basri and 18th Century Hadith Scholarship." *Die Welt des Islams, New*

Series, Arabic Literature and Islamic Scholarship in the 17th/18th Century: Topics and Biographies 42(3) (2002): 356-372.

Yusuf, Hammad Muhammad. "Al-'Aql fi al-Islam: Manzalatuhu wa Majalatuhu wa 'Alaqtuhu bi al-Naqli." *Al-Bashirah Journal of Islamic Studies* 2(2) (2020): 238-261.

Yusufi, Maulana Hussein Abdul Kadir. *Pencerahan dalam Bidang Hadith*. Kota Bharu: Jabal Maraqy Sdn Bhd., 2017.

Zainuddin Idris. "Kajian Agama Islam Hendaklah Mengikut Jalan Mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah." Dalam *Dimensi Pemikiran Shah Waliallah al-Dihlawi dan Pengaruhnya di Malaysia*, ed. Abdul Salam Muhammad Syukri. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2007.

Noraini Junoh et al., "Falsafah Akal Al-Dihlawi: Analisis Aspek Prinsip dan Hakikat Berfikir Kritis," *Afkar* Vol. 26 No. 1 (2024): 415-466